SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 8 DIS 2014 | Jilid 44 Bil 6 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

Warga *Berita Kampus* ingin mengucapkan selamat menempuhi peperiksaan akhir kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia. Terima kasih atas sokongan kalian sepanjang semester ini.





Pengguna jalan raya perlu bertolak ansur

Pelbagai isu dibangkitkan berkenaan sikap pengguna jalan raya dalam Universiti Sains Malaysia (USM). Hal ini berlaku kerana sikap pengguna sendiri yang mementingkan diri dan tidak bertolak ansur.

"Sikap pentingkan diri ini lebih kepada tabiat atau sikap kita sebagai pengguna jalan raya tanpa mengira dalam atau luar kampus", kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Dr Adnan Hussein.

Menurut beliau lagi, tabiat pemanduan di dalam dan luar kampus sama sahaja. Tahap pendidikan tidak mempengaruhi tabiat pemanduan seseorang. Warga universiti seharusnya menjadi lebih bertamadun.

Pelbagai isu timbul berkenaan sikap pengguna jalan raya, pejalan kaki menyalahkan pemandu yang tidak bertolak ansur dengan mereka yang ingin melintas dan pemandu pula berasakan pejalan kaki menyusahkan mereka apabila melintas di kawasan tanpa lintasan belang.

Matthew Lim Chun Soon, Ilmu Pendidikan 3, menyatakan sikap pejalan kaki yang melintas di kawasan tanpa lintasan belang menyusahkan pemandu dan membahayakan pelintas itu sendiri. Hal ini kerana pemandu tidak bersedia untuk memperlahankan kenderaan di kawasan tanpa lintasan belang.

Norhajrunisha Abdullah, Ilmu Kemanusian 3, menyatakan pemandu tidak menghormati pejalan kaki, malahan kadang kala mereka membunyikan hon dan memeranjatkan pejalan kaki.

"Tindakan pemandu yang memberi laluan kepada pejalan kaki menyusahkan pemandu yang lain, sepatutnya pejalan kaki melintas di lintasan belang secara beramai-ramai sekali gus", tambah Prof Adnan.

Tambah beliau lagi, tindakan melintas secara beramai-ramai akan melancarkan lagi keadaan lalu lintas kerana pemandu hanya perlu berhenti sekali sahaja untuk memberi laluan dan tidak akan membahayakan keselamatan pejalan kaki.

Sikap pemandu yang mementingkan diri juga dapat dilihat ketika memberhentikan kenderaan mereka terutamanya di kawasan Bank CIMB.

"Pemandu memberhentikan kenderaan mereka di kawasan bank dengan menyangka mereka hanya berhenti untuk beberapa minit, namun perbuatan mereka telah menyusahkan pengguna jalan raya yang lain", tambah Prof Adnan lagi.

Menurut beliau lagi, sikap mementingkan diri di dalam kampus masih banyak. USM mengharapkan sebagai golongan terpelajar, warga kampus bersikap lebih bertolak ansur ketika menggunakan jalan raya.



Gambar oleh Mohamad Hafiz Adisman

PENGARAH Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dato' Dr Mohd Mokhtar Saidin (kanan) memindahkan tulang yang dijumpai berhampiran Tapak Konvo yang dipercayai tapak surau suatu masa dahulu. Lihat halaman 3 untuk berita selanjutnya.

Logo USM bukan harta awam

Oleh **SHARMILA PREMAL**

Penggunaan logo Universiti Sains Malaysia (USM) secara berleluasa mengundang persoalan dalam kalangan siswa-siswi USM.

Menurut Timbalan Penasihat Undang-Undang USM, Mohd Izwan Hamdan, logo USM adalah hak milik USM. Pihak yang ingin menggunakan logo tersebut haruslah mendapat kebenaran daripada USM.

"Pihak yang ingin menggunakan logo atau lambang USM haruslah meminta kebenaran daripada USM melalui Bahagian Pembangunan Institusi. Mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan logo tersebut untuk kepentingan diri sendiri", tambah beliau lagi.

Izwan berkata pengawalan penggunaan logo ini adalah untuk mengelakkan mana-mana pihak mengambil kesempatan atau menyalahgunakan logo tersebut, malah siswa-siswi USM sendiri perlu mengikuti prosedur tertentu untuk menggunakan logo USM. Penggunaan logo USM dalam percetakan di kemeja dan T-shirt juga harus mengikuti cara yang betul. Namun mereka diberikan kelonggaran dan belum pernah dikenakan sebarang tindakan secara keras.

"Kami juga telah menerima beberapa aduan penyalahgunaan logo USM oleh pihak luar untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat. Kami telah memberikan mereka arahan untuk tidak melakukan perkara tersebut lagi dan meminta mereka menghentikan penggunaan logo USM dengan serta-merta terutamanya dalam banner. Tindakan sivil seperti saman juga diambil terhadap beberapa pihak yang mengingkari arahan pihak USM", tegas Izwan.

"Kesalahan percetakan ini mampu memberi satu identiti yang berbeza kepada universiti kerana ia dapat mengubah makna sebenar yang terdapat pada logo tersebut. Kesalahan ejaan, saiz imej, dan penggunaan warna yang berbeza dapat mengubah identiti logo USM. Kesalahan ejaan yang kerap kali berlaku adalah mengeja nama USM dalam bahasa Inggeris iaitu University Science Malaysia. Nama universiti tidak boleh diubah mengikut kehendak mereka kerana ia adalah identiti universiti ini dan sewajarnya dikekalkan seperti sedia ada", tegas beliau lagi.

Izwan juga berharap siswa-siwi USM peka terhadap penggunaan logo atau lambang USM tidak kira di mana mereka berada. Hal ini kerana logo menonjolkan imej universiti dan penyalahgunaannya adalah satu kesalahan yang besar di sesi undang-undang USM.

Alamat | Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi **Telefon** | 04-653 5071 | **E-mel** | bkusm11@yahoo.com | Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia. | **Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.**

Dilema wanita dalam kerjaya

Isu sterotaip terhadap wanita sering menjadi topik hangat yang diperdebatkan melalui media massa. Isu-isu seperti ketidakseimbangan kedudukan wanita dalam masyarakat dan stereotaip wanita masih menjadi-jadi dalam era moden ini. Golongan wanita di Egypt, sehingga kini masih menjalankan demonstrasi di negara mereka membangkang diskriminasi pihak pemerintah terhadap kaum wanita.

Persoalannya adakah isu-isu yang dibangkitkan dan demonstrasi dapat mengubah stereotaip terhadap wanita terutamanya dalam kerjaya?

Wanita sering kali dipandang setaraf dengan kaum lelaki terutama dalam hal yang melibatkan kerjaya. Sebagai contoh wanita yang sudah berkahwin dikatakan akan lebih mementingkan keluarga dari kerjaya. Selain itu, sesetengah pendapat juga menyatakan bahawa golongan wanita yang berjaya dalam kerjaya sukar untuk mendirikan rumahtangga.

Ketidakseimbangan kedudukan wanita berlaku dalam membuat keputusan, pengagihan tugas dalam sebuah keluarga dan termasuklah kerjaya. Hal ini menjadikan masyarakat berfikiran bahawa wanita tidak mampu menandingi kaum lelaki. Secara umum, golongan wanita jarang mendapat jawatan yang tinggi dalam sesebuah organisasi. Pasti ada kritikan yang dilemparkan sekiranya ketua sesuatu organisasi adalah wanita dan alasan yang sering diberikan adalah wanita terlalu mengikut perasaan dalam membuat keputusan. Ideologi motherhood pula menyekat kuasa wanita dan mengklasifikasikan tugas wanita hanyalah sebagai seorang ibu yang menjaga keluarga di rumah. Pemikiran ini juga menekankan peranan utama wanita sebagai seorang isteri yang setia dan ibu yang baik.

Walaupun pada masa kini peluang pekerjaan dan peluang pendidikan yang diberikan kepada wanita adalah lebih banyak berbanding zaman dahulu, namun kebebasan dalam kerjaya dan pandangan masyarakat terhadap wanita masih ditahap yang rendah.

Kini kebanyakan wanita mempunyai kerjaya di luar rumah, namun sesetengah wanita masih berasa mereka sepatutnya menjalankan tugas sebagai seorang "wanita baik, ibu yang baik dan isteri yang baik".

Pada zaman ini kedudukan lelaki dan wanita boleh dikatakan sama. Wanita juga boleh melakukan apa sahaja yang dilakukan oleh lelaki. Selain itu, pemikiran bahawa wanita yang berkerjaya tidak akan dapat hidup berkeluarga dan bahagia hendaklah dihapuskan agar kecemerlangan dapat dicapai tanpa mengira lelaki mahupun wanita.

Makan gaji atau kerja sendiri?

Makan gaji atau bekerja sendiri, mana yang harus dipilih? Adakah bekerja makan gaji mudah? Ini adalah persoalan yang sering berlegar di fikiran graduan. Jika dilihat secara kasar, bekerja makan gaji kelihatan mudah dan kurang risiko. Hal ini kerana setiap bulan gaji akan diterima mengikut masa yang ditetapkan.

Selain itu, graduan tertarik untuk bekerja makan gaji sama ada swasta atau awam kerana mudah mendapat pinjaman seperti pembelian rumah, kereta dan kad kredit. Terdapat juga bonus tahunan, kemudahan perubatan dan peluang kenaikan pangkat.

Walau bagaimanapun, bekerja makan gaji juga mempunyai pelbagai cabaran. Pekerja terikat dengan peraturan syarikat. Selain itu, terpaksa mengikut telunjuk majikan atau suara majoriti. Pendapat dan idea yang diberikan kadang-kala tidak diterima kerana bertentangan dengan pendirian syarikat.

Selain itu, pekerja tidak dapat mengawal perubahan yang berlaku terutama dalam struktur pengurusan syarikat apabila diambil alih oleh pihak lain, rombakan polisi atau berlaku kemerosotan prestasi syarikat. Kesemua ini memberi impak kepada pekerja secara mendadak dan terpaksa menghadapi persaingan, perubahan dan kegagalan.

Majikan pula sentiasa mahukan pekerja yang kompeten, mengusai pelbagai kemahiran dengan baik dan boleh memberikan komitmen yang tinggi. Seseorang tidak layak diberi jawatan tertentu jika tidak mempunyai ciri-ciri yang majikan tetapkan. Mempunyai segulung ijazah tidak bermakna bakal mendapat pekerjaan yang baik dengan mudah. Oleh itu tiada istilah mudah bekerja secara makan gaji.

Sementelah, graduan semakin meningkat setiap tahun menyebabkan persaingan mendapatkan kerja juga semakin meningkat.

Namun sebenarnya setiap individu boleh memilih sama ada bekerja secara makan gaji atau bekerja sendiri. Bagaimana untuk membuat keputusan sama ada mahu bekerja sendiri atau makan gaji? Kemampuan diri, kemahiran yang dimiliki, tahap kepakaran dan tahap kewangan antara aspek yang perlu diambil kira sama ada mahu bekerja sendiri atau makan gaji.

Kemahiran yang dimiliki boleh dijadikan sumber pendapatan. Kemahiran menulis, fotografi, memasak, dan mereka pakaian antara kemahiran yang boleh diketengahkan. Segelintir masyarakat telah berjaya menjadikan hobi mereka sebagai kerjaya.

Memulakan perniagaan kelihatan sukar tetapi tidak mustahil. Individu yang baru berjinak-jinak dalam bidang ini boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Bank SME, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Pihak ini boleh membantu dari segi kewangan dan khidmat nasihat bagi memulakan perniagaan sehingga perniagaan itu boleh bertapak dengan baik di dalam industri.

Walaupun bekerja sendiri tidak terikat dengan mana-mana peraturan namun perlu menggalas tanggungjawab yang besar kerana melibatkan kerjaya anda sama ada boleh bertahan atau tidak. Bekerja sendiri tidak tentu mendapatan bulanan, malah tidak ada istilah kenaikan pangkat, tetapi apa yang diberi perhatian ialah untung dan rugi.

Bekerja sendiri atau makan gaji kedua-duanya memerlukan pengorbanan yang besar. Individu bebas membuat keputusan sama ada bekerja sendiri atau makan gaji. Mereka yang berjaya terdiri daripada mereka yang bekerja keras dan sentiasa berfikiran positif.

Kedua-duanya saling memerlukan kerana setiap pekerjaan penting untuk pembangunan negara dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi.

Tiada jawapan untuk persoalan kerjaya mana yang lebih baik tetapi fikirkan apa yang terbaik untuk diri.

Kuasai kemahiran insaniah

Menurut statistik daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia dalam laman web rasminya, seramai 202,328 orang berjaya bergraduasi dari Institusi Pengajian Tinggi Malaysia pada 2012. Daripada jumlah itu, KPT mendapati 51,795 orang graduan yang masih menganggur pada tahun tersebut.

Jika difikir semula, mengapakah masalah sebegini sukar menemui jalan penyelesaian? Salah satu punca yang menyumbang kepada berlakunya masalah graduan menganggur ini adalah disebabkan kelemahan dalam aspek kemahiran insaniah (soft skill).

Secara umumnya, kemahiran insaniah tidak mempunyai definisi yang tepat. Walau bagaimanapun kemahiran ini berkaitan dengan kemampuan seseorang menguasai kemahiran dalam membina hubungan dengan diri sendiri dan hubungan dengan persekitaran, khususnya dalam komunikasi. Dengan kata lain ia berkaitan dengan kemahiran individu dan interpersonal.

Kemahiran individu menfokuskan kepada ciri peribadi seseorang seperti daya galakan atau motivasi dalaman yang merujuk kepada cara seseorang itu menghargai dan menilai diri sendiri.

Seterusnya, pengurusan diri yang merangkumi kemahiran menguruskan aktiviti dan perancangan hidupnya, kefasihan berbahasa sama ada menggunakan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, berfikiran kritis dan kemampuan mendengar dengan aktif dan mampu memberi maklum balas dalam semua situasi.

Manakala kemahiran interpersonal pula merujuk kepada penglibatan individu dalam kerja berpasukan, keupayaan berinteraksi dengan orang di sekeliling dan kebolehan dalam memimpin. Selain itu, kemahiran ini juga melihat kemampuan seseorang menangani dan menyelesaikan masalah serta cara menyesuaikan diri mengikut keadaan semasa, khususnya dalam menghadapi situasi budaya masyarakat berbilang kaum dan agama.

Kesemua kemahiran insaniah ini memainkan peranan yang sangat penting bukan sahaja perlu dipraktikkan ketika di kampus atau semasa melangkah ke alam pekerjaan, malah dalam seluruh aspek kehidupan seharian.

Ini bermaksud kemahiran ini digunakan pada bila-bila sahaja. Namun, apa yang dilihat kebanyakan graduan lemah dalam aspek ini.

Kemahiran ini menjadi salah satu kriteria penting dalam pasaran tenaga kerja. Graduan menganggap bahawa pencapaian akademik adalah faktor utama kepada penawaran pekerjaan, tetapi pencapaian akademik yang baik sahaja tidak mencukupi untuk para graduan terus ke pasaran pekerjaan. Kedua-duanya akan diambil kira untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan.

Persaingan graduan semakin mencabar apabila mereka terpaksa bersaing dengan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah yang mempunyai kemahiran insaniah yang baik.

Jadikan kemahiran insaniah ini sebagai suatu cabaran dan nilai tambah yang membuatkan majikan yakin dengan diri anda.

Ruang santai PHS1 disalahgunakan



Siswa-siswi yang tidur di ruang santai menganggu pengguna PHS1 yang lain.

Segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) menyalahgunakan ruangan santai di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1), USM dengan berborak dan tidur berbaring.

Menurut Pustakawan Bahagian Sirkulasi PHS1, Nor Azan Ibrahim, perbuatan seperti tidur sama sekali tidak dibenarkan dalam PHS1 kerana menganggu pengguna lain dan sudah dinyatakan dalam buku panduan perpustakaan.

"Siswa-siswi seharusnya menggunakan ruangan santai tersebut untuk membaca buku dan mengadakan perbincangan secara berkumpulan dengan rakan-rakan. Siswa-siswi yang menyalahgunakan ruangan tersebut akan diberikan peringatan secara jelas dan jika keadaan yang sama berulang maka nama mereka akan dimasukkan dalam senarai kesalahan di perpustakaan", tambahnya.

Rupasree Ganesan, Seni 2, menyatakan bahawa kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan haruslah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin kerana keadaan ruangan santai PHS1 yang tenang memberi laluan kepada siswa-siswi untuk fokus pada tugasan masing-masing.

"Siswa-siswi yang tidur berbaring menyebabkan pengguna lain kekurangan tempat duduk khususnya semasa mengadakan perbincangan", jelas Rupasree.

Azan berharap agar siswa-siswi menjaga ketenteraman kawasan sekeliling terutamanya di tempat-tempat awam seperti PHS1 untuk kebaikan bersama.

> "Siswa-siswi yang menyalahgunakan ruangan tersebut akan diberikan peringatan secara jelas dan jika keadaan yang sama berulang maka nama mereka akan dimasukkan dalam senarai kesalahan di perpustakaan"

Kubur lama ditemui di tapak pembinaan parkir baru

Penemuan kubur lama berhampiran Tapak Konvo yang menjadi tapak projek pembinaan parkir baru menyebabkan projek dihentikan buat sementara waktu.

Menurut Jurutera Awam, Jabatan Pembangunan USM, Zairil Azhar Zainol, ketika projek tersebut sedang dijalankan, salah seorang staf USM memaklumkan kepada mereka bahawa terdapat tapak surau lama dan tanah perkuburan di kawasan projek tersebut.

Disebabkan itu, pihak pengurusan tertinggi universiti mengambil keputusan untuk menghentikan seketika projek ini untuk memberi laluan kepada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global dan Pusat Islam melakukan kajian dan pencarian.

Pensyarah Pusat Pengajian Jarak Jauh, Prof Abdul Rahman Osman mendakwa bahawa ketika dahulu terdapat tapak surau dan tanah perkuburan lama sebelum tahun 80-an.

"Dahulu terdapat tapak surau dan tanah perkuburan orang Islam disini dan disebabkan itu saya merasa bertanggungjawab sekiranya tulang-tulang saudara seagama saya tidak disempurnakan dengan cara yang betul", katanya lagi.

Selain itu, Timbalan Pengarah Pusat Islam, Md Yusof Abdul Rahim berkata bahawa sekiranya tulang yang dijumpai itu disahkan milik orang Islam, Pusat Islam akan mengambil alih untuk menjalankan pemindahan kubur mengikut hukum Islam.

"Walau bagaimanapun, projek pembinaan parkir ini tetap diteruskan seperti biasa", tambah Zairil lagi sebelum mengakhiri temubual dengan *Berita Kampus*.

PPKT perjelas kriteria sekatan laman web

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Limitasi kapasiti Internet di Universiti Sains Malaysia (USM) serta persoalan sumber, keselamatan dan etika menjadi antara kriteria penyekatan laman web tertentu oleh Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM.

Menurut En. Khairil Anwar Jusoh, pegawai teknologi maklumat di Unit Keselamatan dan Pengurusan Risiko PPKT USM, perkara utama yang harus diambil kira dalam hal ini adalah hakikat bahawa penggunaan internet oleh siswa-siswi sentiasa melebihi kapasiti internet yang dibekalkan di USM.

Maka, penapisan perlu dilakukan untuk memberikan keutamaan kepada laman-laman web yang berunsur pendidikan.

"Kapasiti jaringan internet yang dibuka kepada siswa-siswi pada siang hari adalah sebanyak 500MB sahaja dan pada pukul 10 malam sehingga 8 pagi, jaringan siswa-siswi dicantumkan dengan jaringan operasional dan kapasiti internet siswa-siswi bertambah menjadi 1GB. USM telah membelanjakan RM8 juta setiap tahun untuk mengekalkan kapasiti ini. Namun demikian, kegunaan kita masih melebihi jumlah tersebut," jelas Khairil.

Khairil menambah bahawa punca pengunaan yang melebihi kapasiti pengunaan internet di USM banyak melibatkan laman-laman web permainan, 'streaming video' dan laman 'personal storage' yang melibatkan pemindahan fail yang besar saiznya.

"Penyekatan laman-laman web tersebut dibuat oleh perisian Fortiguard dan Tipping Point secara automatik. Namun, PPKT juga menerima permintaan untuk penapisan laman web tertentu oleh pengurusan USM," jelasnya.

"Untuk memberikan maklum balas mengenai kesesuaian penyekatan sesuatu laman web, siswa-siswi boleh memfailkan aduan di ServisDesk@PPKT ataupun memfailkan cadangan memperbaharui 'rating' laman web tersebut di laman web Fortiguard," tambahnya.

Khairil turut mengalakkan siswa-siswi untuk mendapatkan maklumat mengenai kapasiti internet USM serta penjelasan mengenai penyekatan kategori laman web tertentu menerusi laman web yang telah disediakan oleh PPKT, iaitu nettraffic.usm.my dan infosec.usm.my untuk keterangan lanjut.

KRITERIA SEKATAN LAMAN WEB USM OLEH PPKT

SUMBER - PPKT memberikan keutamaan kepada sumber-sumber yang dianggap lebih bermanfaat, misalnya laman web berunsur pendidikan. Aplikasi yang disekat atas limitasi kapasiti:

- Permainan – menghalang produktiviti; berdasarkan aduan daripada pensyarah dan pengurusan
- Telephony (contoh: VOIP) - hanya perisian yang sudah lama di pasaran dan boleh dipercayai dibenarkan, misalnya Skype
- 'Streaming video' – USM hanya membenarkan laman web video yang tidak diragui keselamatannya dan digunakan untuk tujuan pembelajaran, misalnya Youtube
- Penyimpanan fail besar (contoh: MediaFire, Megaupload) – selain limitasi kapasiti, terdapat juga risiko pengunaan daripada segi hakcipta dan keselamatan.

KESELAMATAN - laman-laman yang mendatangkan serangan/spam disekat. Laman web yang mempunyai 'link' kepada laman-laman berbahaya juga termasuk dalam kategori ini.

ETIKA - klasifikasi etika dibuat berdasarkan 'site rating' oleh perisian Fortiguard dan Tipping Point dan dilaporkan oleh pengguna, misalnya laman web berunsur lucah, berunsur kebencian dan sebagainya. Laman web 'baru' yang tiada 'rating' masih akan ditapis berdasarkan kata kunci (keywords).

100 parkir baru menjelang 2015


Kerja-kerja pembinaan parkir baru sedang giat dijalankan bersebelahan Tapak Konvo USM.

Oleh **ASMAH ALI**

Kegusaran warga Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai isu kekurangan parkir sekitar Kampus Induk kini terjawab apabila 100 parkir baru dijangka siap menjelang 2015.

Jumlah keseluruhan parkir kereta yang sedia ada ialah 2820 termasuk parkir untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Namun, bilangan itu masih belum dapat menampung jumlah kereta dalam kampus.

Timbalan Pengarah II Jabatan Pembangunan, Ir. Haji. Mohd Nizam Mohd Razak berkata kerja-kerja penambahan parkir ini bermula selepas Upacara Konvokesyen ke-50 baru-baru ini dan masih berlangsung sehingga kini.

Tambahnya lagi, lokasi 39 parkir baru akan dibina di belakang Bangunan G23 iaitu bersebelahan parkir sedia ada di Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pusat Pengajian Sains Matematik. Manakala 61 parkir lagi dibina bersebelahan Tapak Konvo USM iaitu bersebelahan bangunan G28.

Menurut Pengarah Jabatan Keselamatan, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy, beliau menyokong dan bersetuju dengan usaha USM. Walau bagaimanapun isu penambahan parkir perlu dilihat sebagai suatu yang holistik kerana kemungkinan pertambahan kereta akan meningkat dari masa ke semasa dan jumlah parkir yang telah ditambah tidak dapat menampung bilangan kereta.

"Oleh itu, siswa-siswi perlu memanfaatkan kemudahan perkhidmatan bas dan ecovan agar dapat mengurangkan penggunaan kenderaan dan menjamin kelestarian kampus", jelasnya kepada Berita Kampus.

Nurnadia Mohd Johari, Teknologi Industri 3, berkata inisiatif mengenai penambahan parkir adalah langkah yang bijak. Kemungkinan siswa-siswi tahun pertama akan membawa kenderaan sendiri tinggi dan ini bermaksud bilangan kenderaan dalam kampus akan bertambah.

Usaha ini memudahkan warga kampus kerana bilangan parkir akan bertambah dan tidak perlu risau lagi mengenai ketiadaan parkir apabila tiba waktu kemuncak.

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menubuhkan Sekretariat Keselamatan Jalan Raya USM dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang (JKJR) dan Petron Malaysia bagi menyokong inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan maut yang kebanyakan melibatkan penunggang motosikal dalam kalangan generasi muda.

Pelancaran penubuhan ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Dato' Dr. Tam Weng Wah dan turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Keselamatan, Prof. Madya Dr. P. Sundramoorthy, Pendaftar USM, Abdul Halim Abdul Rahman, serta Pengurus Keselamatan Korporat, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SSHE) Petron Malaysia, Encik Lokman Habi.

"Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada JKJR, USM dan Petron Malaysia kerana menganjurkan majlis seumpama ini. Usaha murni sebegini amat dialukan-alukan memandangkan tanggungjawab mendidik masyarakat mengenai peri pentingnya menjaga keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab bersama", kata Dato' Dr. Tam Weng Wah.

Sejurus itu, beliau turut hargai inisiatif Petron kerana menerajui program pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hal ini kerana pentingnya memberi pendedahan, kesedaran dan pendidikan mengenai keselamatan jalan raya kepada siswa-siswi kerana IPT ialah platform yang terbaik untuk membudayakan keselamatan jalan raya.

Menurut beliau, pendekatan secara proaktif dan holistik amat penting bagi menjamin golongan siswa-siswi IPT sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan peka terhadap aspek keselamatan di jalan raya.

Beliau turut menekankan bahawa penunggang motosikal harus bersikap lebih matang dan mengubah mentaliti mereka ketika menunggang kerana statistik menunjukkan seramai 18 hingga 20 orang meninggal dunia dalam sehari hanya akibat kemalangan jalan raya.

"Selain daripada kehilangan nyawa, kemalangan jalan raya juga memakan kos RM80 bilion dari segi kos rawatan kemalangan, kos kehilangan nyawa, kos pemulihan emosi, serta kos pembaikan jalan raya yang rosak. Hal ini menjadi penyebab kepada kerugian ekonomi serta akan kekal berterusan sekiranya tidak mencari solusi yang bijak dan berkesan", kata beliau.

"Seiring itu, Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 berasaskan Lima Tunggak Strategik telah dirangka supaya kadar kematian akibat kemalangan jalan raya dapat dikurangkan, Namun, terpulang kepada pengguna sama ada memberi komitmen ataupun tidak kerana pelaksanaan pelan ini memerlukan kerjasama dua pihak di mana penekanan mengenai keselamatan jalan raya bukan sahaja daripada pihak kerajaan tapi juga dalam kalangan pengguna jalan raya", ujar Dato' Dr. Tam Weng Wah.

Sikap siswa-siswi undang bahaya


BAHAYA Sikap penunggang motorsikal yang ingkar peraturan jalan raya di Kompleks Desasiswa RST, bukan hanya menunggang berlawanan arus tetapi juga tidak memakai topi keledar.

Sikap penunggang motosikal yang suka mencari jalan pintas menuju ke destinasi dengan menunggang lawan arah di kawasan Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (RST) Universiti Sains Malaysia (USM) boleh menimbulkan bahaya kepada mereka.

Menurut Pengarah Jabatan Keselamatan, Dr Sundramoorthy tindakan siswa-siswi sebenarnya memaparkan sikap mereka sendiri yang tidak mahu mematuhi peraturan jalan raya tidak kira sama ada di dalam mahupun di luar kampus. Sikap ini boleh membawa musibah kepada penunggang motorsikal kerana kemungkinan besar berlaku kemalangan.

"Siswa-siswi USM tidak sedar kesan yang mungkin mereka hadapi jika terus berkelakuan sedemikian. Sikap mereka yang bergesa-gesa dan mencari laluan pintas ini adalah semata-mata kerana malas membuat satu pusingan dalam kawasan RST. Mereka tidak sedar bahayanya di situ kerana jalan tersebut juga dilalui oleh kenderaan lain seperti bas dan kereta", kata beliau lagi.

"Menunggang motosikal dengan melawan arah terutamanya di bahagian kawasan curam boleh mengundang kepada kemalangan. Hal ini kerana bas dan kereta yang mengikuti laluan tersebut kebiasaannya laju dan ia juga amat sukar bagi pemandu bas mahupun pemandu kereta untuk memperlahankan kenderaan mereka secara tiba-tiba kerana keadaan kawasan tersebut yang menuruni bukit", tegas Sundramoorthy lagi.

Dr Sundramoorthy berkata, Jabatan Keselamatan sentiasa melakukan operasi dari semasa ke semasa pada tempoh masa yang ditentukan bagi menangani masalah ini dari terus berlaku.

"Pihak kami sentiasa berusaha menangani masalah ini, namun ia terus berlaku kerana sikap siswa-siswi yang memandang hal ini sebagai perkara remeh dan tidak menghiraukannya. Jabatan Keselamatan akan meningkatkan lagi operasi keselamatan ini untuk memastikan penunggang motosikal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh USM", kata beliau.

Dr Sundramoorthy berharap siswa-siswi, terutamanya penunggang motosikal akan memberikan kerjasama kepada USM untuk menjaga kepentingan bersama.

Tindakan segelintir siswa-siswi yang kurang bertanggungjawab mampu menggugat keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Right way to preserve heritage



Associate Professor Martin Porr (left) and Winthrop Professor Benjamin Smith shared their personal experiences on rock art research and heritage management in Australia and Africa.

In collaboration with University of Western Australia, an archaeological research talks has been held by Centre for Global Archaeological Research Universiti Sains Malaysia (USM) with the title of Conserving, protecting, understanding: Approaches to rock art and heritage management in Africa and Australia.

The talk was presented by two senior rock art researchers from University of Western Australia, which are Winthrop Professor Benjamin Smith and Associate Professor Martin Porr.

Smith, who presented his own research, The Makgabeng Project in South Africa has been running for the past ten years. He stressed that the management and conservation of rock art is critically important today especially in Asia and Africa.

"We can compare the rock art images which have rich symbolism with the photographs which is much simpler. The rock art is much more than just journalism. They were painted; bring people together to read, to write emotions; and to get people to fight with the colonialism at that time", he explained.

He also shared that management plan on rock art not just an academic document, but it's a process to do with the local community and what to do in sites in order to bring benefits to the community. Thus, factors such as education system, tourism, cost, agent in charge, and time framework can affect the archaeological contributions to society.

Smith was a writer of South Africa national policies on archaeology.

"Every country has national policy on archaeology. Personally I think that Malaysia is underdevelopment, national archaeology policy will go a long way to create a strategy on developing archaeology. Some model researches of South Africa will be very useful to it", he commented.

Meanwhile, Porr shared his experience and knowledge on rock art in Wunambal Gaambera, Australia. He said that a lot of artifacts disturbed by the animal activities and affected by tourists who came to the heritage area.

"The most important thing is to raise the awareness of people on cultural sensitivity and education of conservation on heritage artifacts. This is because most of the tourists are uncontrollable, yet we can't prevent them completely because 10% of people will just go anywhere and out of control", he explained.

He also shared some recommendations on preserving the rock art and heritage sites which includes development and employment of a systematic visitor survey to gain an overview of visitor composition and motivations, regular monitoring of impact on sites to increase awareness among visitors and potential visitors.

Halal vaccine on the way

By **MICHELE NG HENG KIM**

The meningococcal ACW135Y vaccine has been mandated by the Saudi Arabian government for pilgrims going to Mecca.

Universiti Sains Malaysia is currently co-developing the halal version of the vaccine with Finlay Institute in Cuba.

"The need for halal vaccine or pharmaceutical as a whole is to cater to the Muslim community in the world", said the leader of the development of the halal vaccine project, Profesor Dr Norazmi Mohd Nor.

Due to the increased in the education level, people begin to question about a lot of matter.

"The lack of halal pharmaceutical was not too detrimental before but people are becoming more educated and intelligent and are more aware of what they are consuming. Muslims, now, question if the medication they take are halal or not", he explained.

The development of the halal vaccine has been on-going four years and will be completed in another four years. The first four years focused on the procedure to produce the halal vaccine.

"Now, we are testing if the vaccine is working without causing harm to people", he added.

The halal vaccine is still under developmental stage and is not in the market yet. Before commercialising it, there are two processes that must be carried out.

"First, it is known as the pre-clinical trial. It is carried out on animals primarily to determine the safety of the halal vaccine. The next stage is the clinical development. Now, the vaccine is being tested in humans for its safety and efficacy", he explained further.

The main reason behind the development of the halal vaccine is to venture into halal pharmaceutical as a whole.

"In my own research on tuberculosis and collaboration with other people, we are thinking of "halal-ising" everything; making halal things from the beginning", he said to Berita Kampus.

The project also aims to promote the halal pharmaceutical industry so that Malaysia can be a hub for it. Moreover, it aims to elevate the capability of Malaysia to produce the vaccine disregarding if it is halal or not.

"It is also to get all future player and stakeholder in the halal pharmaceutical industry to be aware and involved directly or indirectly so that the basic or the structure for the industry can exist in Malaysia. This will of course generate income, employment and training for the general public", he added on.

The halal industry is not necessarily the primary concern for Muslims in Malaysia. However, Prof Dr Norazmi said that Malaysians should not be so fixated with halal pharmaceutical.

"I strongly agree that whatever medicine we are taking, if it is prescribed to us for our health benefit, as a therapy, it is not haram. People must take that medicine", he urges.

"In fact, in Saudi Arabia, they do not care about making halal pharmaceuticals because all medicines are halal to them. There are no haram medicine", he added.

Prof Dr Norazmi also added that halal pharmaceuticals are of high quality due to the production is being made according to the Malaysian Standards MS24:24, 2012 which is based on the required practices by international standard.

"Medicine without fulfilling this requirement will not be considered as halal. It must first fulfil the international standard of acceptance before being certified as halal", he explained.

Manfaatkan harta intelek sebagai aset universiti

Dalam tempoh sepuluh tahun, Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghasilkan lebih 200 paten yang masih dalam proses menunggu dan 60 paten yang telah diluluskan dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Menurut Pengarah Pejabat Inovasi Dan Pengkomersilan (ICO) USM, Profesor Rahmat Awang, berkata ramai beranggapan bahawa dengan pencapaian penyelidikan yang ada pada USM perlu dikomersilkan bagi menjana kewangan universiti.

"Sebagai universiti awam, kita berperanan menjana ilmu baru dan mengajar. Melalui penjanaan ilmu baru ataupun penyelidikan, sebenarnya kita dalam proses melatih keupayaan negara untuk mencipta sesuatu yang baharu dan boleh dimanfaatkan oleh manusia sejagat. Dalam konteks universiti, kita berupaya menghasilkan intelektual property (IP) ataupun harta intelek", katanya.

"Kami di ICO berperanan melindungi harta intelek ini. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 200 lebih IP yang telah dipaten di dalam dan di luar negara. Harta intelek ini sebenarnya ialah sebagai sumber untuk menjana kewangan. Sesetengah negara seperti Korea Selatan tiada sumber asli, namun mereka mempunyai sumber intelek yang banyak, membolehkan mereka menjadi lebih maju dan kaya", katanya lagi.

Tambahnya lagi, kebanyakan masyarakat berfikir bahawa dalam masa yang terdekat, penghasilan harta intelek ini boleh terus mencipta produk seterusnya mencipta keuntungan.

"Pada masa akan datang, kami melihat bahawa sumber intelek ini sebagai salah satu cara untuk menjana ekonomi kerana dengan ilmu ini membolehkan manusia untuk mencipta sesuatu. Di USM, kita berfungsi untuk menghasilkan harta intelek kemudian menyerahkannya kepada industri untuk mencipta sesuatu produk. Namun begitu, ada masa kita menghasilkan juga produk ataupun prototaip kita sendiri. Sebagai contoh, penyelidik kita menghasilkan bioplastik yang boleh digunakan untuk mencipta pelbagai produk daripada bakteria.Tetapi industri memerlukan teknologi kita menghasilkan bioplastik tersebut untuk mencipta produk mereka", jelasnya.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa sesuatu harta intelek itu bukan sahaja boleh menjana keuntungan tetapi meningkatkan keupayaan dalam bidang penyelidikan dengan membina kerjasama dengan universiti-universiti lain untuk menghasilkan harta intelek yang lebih hebat.

"Dengan mengadakan kolaborasi dengan universiti lain yang mempunyai bidang kepakaran yang berbeza, kita mampu mengembangkan harta intelek kita menjadi harta intelek lain mahupun lebih hebat lagi", jelasnya

Kebiasaannya, harta intelek yang dipatenkan mempunyai jangka masa hingga 20 tahun. Hal ini bermakna, sesiapa sahaja yang ingin menggunakan harta intelek itu perlu mendapatkan izin dan membayar yuran kepada ICO ataupun dijual terus kepada yang berminat.

Pada tahun ini sahaja lebih 30 buah syarikat yang sedang berurusan dengan ICO untuk menggunakan harta intelek. Malah ICO bukan sahaja melindungi harta intelek ini melalui paten, tetapi juga melalui rahsia perdagangan, hak cipta, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian.

MGTF promosi permainan tradisional

Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah Universiti Sains Malaysia (MGTF USM) bakal mengadakan pelbagai aktiviti pada tahun hadapan bagi mempromosikan laman permainan tradisional.

Laman tersebut pada awalnya ialah gelanggang tenis di bawah kelolaan Pusat Sukan dan Rekreasi. Namun, ia telah diserahkan kepada MGTF untuk seliaan dan program yang berteraskan aktiviti tradisional.

Pengarah MGTF, Zolkurnain Hassan menjelaskan gelanggang tersebut tidak dibiarkan begitu sahaja tetapi ia hanya tidak diselenggara dengan betul oleh MGTF.

"Laman tersebut sebenarnya masih dalam keadaan baik dan tidak ada sebarang kerosakan, ia hanya tidak diselenggara. Jika ada permintaan daripada mana-mana badan dan persatuan pelajar dan staf untuk menggunakan laman tersebut, kami akan menyelenggaranya secepat mungkin", jelasnya kepada Berita Kampus.

Tambah beliau lagi, kebanyakan staf yang bertugas lebih tertumpu kepada kerja penyelenggaraan bahagian dalam muzium berbanding di laman tersebut . Ia disebabkan oleh siswa-siswi lebih gemar menggunakan gelanggang di stadium ataupun di padang bola.

Selain itu, faktor laman tersebut tidak berbumbung juga menyebabkan sebahagian permainan tradisional dibawa masuk dan dimainkan dalam muzium seperti permainan ketenteng, dam aji dan congkak.

"Kami mempunyai ruang legar yang luas dan permainan yang mana bersesuaian akan diadakan ke dalam muzium. Namun terdapat juga permainan yang tetap dimainkan di laman tersebut", ujar beliau lagi.

Laman tersebut adalah laman yang serba guna dan sebelum ini kerap digunakan oleh siswa USM untuk permainan futsal. Sehubungan dengan itu, MGTF tidak menghadapi sebarang masalah jika laman tersebut digunakan selain aktiviti tradisional dan perlu dimaklumkan kepada MGTF sebagai pemberitahuan.

Zolkurnain juga menjelaskan MGTF ialah tempat yang bersesuaian untuk aktiviti permainan tradisional. Sebagai penggerak bagi mengekalkan tradisi tempatan, mereka amat mengalu-alukan kerjasama daripada mana-mana persatuan yang mempunyai peranan yang sama dalam mengekalkan permainan tradisional negara kita.



TIDAK DISELENGGARA Laman permainan tradisional dikhuatiri membahayakan pengguna terutamanya siswa yang menggunakannya untuk bermain futsal.

Eco-Hub USM sebagai makmal semula jadi

Eco-Hub Universiti Sains Malaysia (USM) ialah makmal semula jadi yang memberi manfaat kepada seluruh warga kampus.

Menurut Pegawai Penyelidik Eco-Hub USM, Adenan Jaafar, objektif utama Eco-Hub ialah untuk menyimpan maklumat berkaitan ekologi persekitaran kampus, mengawal pokok-pokok eksotik serta bekerjasama dalam bidang penyelidikan dengan pusat pengajian lain.

"Kawasan Eco-Hub yang aktif beroperasi adalah Mid Valley dan Durian Valley. Melalui Eco-Hub, pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan hidup akan dipelihara manakala spesimen tumbuhan tersebut juga disediakan melalui proses pengawetan. Spesimen tersebut mampu bertahan selama 20 tahun jika melalui rawatan dari semasa ke semasa dan juga digunakan sebagai rujukan untuk penyelidikan", tambahnya lagi.

Pegawai Penyelidik Eco-Hub, Sabrina Chan, menyatakan bahawa terdapat pelbagai jenis tumbuhan herba eksotik di sekitar kawasan Eco-Hub seperti pokok tutup bumi, Robibia, Ozali, Asisstaxia, Bitangor, Moringa, daun Sinai, Patawali, *Cyprus aromatica*, Lantana, Gandarusa, kunyit, Temu Hitam, belimbing tanah, Yusfarus dan sebagainya.


"Siswa-siswi dialu-alukan untuk melakukan penyelidikan ke atas tumbuh-tumbuhan tersebut dan jika dikenalpasti mempunyai nilai perubatan yang tinggi maka akan digunakan untuk kebaikan bersama", jelasnya.

"Kami akan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh pihak yang ingin menjalankan sebarang penyelidikan di sini", tambahnya lagi.

Menurutnya lagi, siswa-siswi USM menggunakan kawasan Eco-Hub untuk menjalankan program orientasi, aktiviti serta melakukan penyelidikan. Setakat ini, sambutan daripada siswa-siswi agak memuaskan.

Adenan berharap agar siswa-siswi memberikan maklum balas dari semasa ke semasa mengenai sebarang penambahbaikan yang perlu dilakukan ke atas Eco-Hub untuk kepentingan bersama sekaligus menggunakan kemudahan yang disediakan secara optimum.

Jubah simbol ketertinggian akademik graduan USM



Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pakaian Akademik Konvokesyen ke-50, Shahrizal Nazri menjelaskan undang-undang berkenaan pengambilan jubah yang termaktub dalam Perlembagaan USM.

Oleh **ROSAMIRA AHMAD RAZALI & SHARMILA PREMAL**

Penolakan permohonan peminjaman jubah oleh studio penggambaran pada Upacara Konvokesyen ke-50 yang lepas telah mendapat penjelasan daripada pihak yang bertanggungjawab.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pakaian Akademik Konvokesyen, Shahrizal Nazri, perlembagaan Universiti Sains Malaysia (USM) tidak membenarkan peminjaman jubah kepada mana-mana pihak yang bukan digelar graduan USM.

"Studio penggambaran bukanlah pihak yang layak meminjam jubah untuk memenuhi kehendak pelanggan tanpa mengetahui sama ada mereka graduan USM ataupun tidak. Ia akan membawa kepada penyalahgunaan jubah sekiranya mereka memberi kepada pelanggan yang bukan graduan USM. Hal ini berbeza sekiranya graduan itu sendiri yang memberikan jubah tersebut kepada ahli keluarga untuk bergambar kerana ia adalah tanggungjawab graduan", tegasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa pihak studio penggambaran tidak mengikuti prosedur peminjaman jubah yang betul.

"Cara mereka datang untuk meminjam jubah adalah tidak secara formal. Mereka datang menyerbu masuk ke bilik pengambilan jubah ketika kami sedang sibuk memberikan jubah kepada graduan. Sepatutnya mereka membuat permohonan secara rasmi kepada kami mengikut prosedur yang ditetapkan. Tindakan mereka itu saya anggap sebagai sesuatu yang biadap", tegasnya lagi.

Beliau menyatakan bahawa persidangan Senat USM pernah menegur tatacara pemakaian jubah dan di mana pemakaian itu dibuat. Hal ini demikian kerana terdapat siswa-siswi yang bergambar dengan memakai jubah tersebut sedangkan belum digelar graduan. Jubah USM adalah tidak sama dengan jubah universiti yang lain kerana jubah USM melambangkan ketertinggian akademik graduan APEX.

"Bagi graduan yang telah memulangkan jubah lebih awal, mereka boleh menyewa jubah tersebut sekiranya ingin menjalani sesi fotografi. Namun, ia perlu mengikuti prosedur yang ditetapkan di mana graduan perlu menunjukkan terlebih dahulu transkrip akademik untuk mendapatkan kelulusan penyewaan jubah", tambahnya lagi.

Caj tambahan bukan untuk kaut keuntungan

Rumah Tetamu yang diuruskan oleh Usains Holding dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi tumpuan penginapan siswa-siswi pada musim konvokesyen berbanding pada hari lain.

Sebaik sahaja tarikh sidang diumumkan, permintaan yang tinggi menyebabkan bilik yang ditawarkan adalah terhad dan dikenakan kadar bayaran tambahan sebanyak RM50.

Bagi mengelakkan pertindihan masa dan memastikan keselesaan tetamu lain, waktu keluar diperketatkan bagi membolehkan kakitangan Rumah Tetamu memastikan bilik dalam keadaan yang baik dan selesa tanpa sebarang kerosakan.

Pegawai Hospitaliti, Suhizaruzana Saman berkata terdapat segelintir siswa-siswi yang tidak mengendahkan bilangan penghuni maksimum dalam satu bilik dan kami terpaksa keluarkan kos baik pulih sebanyak RM1,000 hingga RM2,000.

"Caj tambahan sebanyak RM50 dikenakan pada setiap satu bilik sepanjang tempoh majlis konvokesyen berlangsung adalah berpatutan agar caj tersebut menjadi kos baik pulih terhadap kerosakan yang dilakukan", katanya kepada *Berita Kampus.*

Selain itu, Rumah Tetamu turut mengadakan promosi kepada Alumni USM yang menginap di sana pada tahun hadapan.

"Kami juga akan menawarkan diskaun yang bermula 10% kepada alumni USM yang menginap di sini melebihi lapan hari pada tahun hadapan", tambahnya.

Alumni USM, Nurul Jannah Saa'id berkata dia tidak mempunyai sebarang masalah tentang bayaran tambahan tersebut kerana permintaan bilik yang tinggi.

"Disebabkan kesuntukan masa, saya memilih untuk menumpang di rumah saudara kerana lebih selamat dan kos perbelanjaan dikurangkan", katanya.

Ratna Zuzilianty Zulkifli, Sains Kemasyarakatan 3, berkata USM perlu melihat perkara ini dengan lebih mendalam lagi bagi memudahkan siswa-siswi menghadiri majlis dan menambah bilik untuk menampung permintaan.

Harga makanan mahal: Mengapa dan apa solusinya?



Menu yang sama setiap hari menjemukan pelanggan dan amat berbeza dengan kafeteria lain yang menyediakan pelbagai juadah makanan dengan harga berpatutan.



Meskipun masalah harga makanan mahal di Kafeteria Desasiswa Fajar Harapan telah dibangkitkan namun masih terdapat aduan daripada siswa-siswi berkenaan hal ini dan meminta pihak bertanggungjawab menyelesaikan masalah dengan segera.

Norashikin Mohd Topik, Ilmu Kemanusiaan 1, berkata harga makanan yang mahal masih tidak ada penyelesaian dan kecewa dengan tindakan pengusaha yang mengenakan harga tidak berpatutan sedangkan kualiti makanan adalah sama dengan kafeteria yang lain.

"Hal ini bukan sekali tetapi berkali-kali dibangkitkan dan jika dibuat perbandingan harga makanan yang diambil di kafeteria Fajar Harapan dan Aman Damai jelas terdapat perbezaan yang ketara sedangkan kualiti makanan adalah sama", tambahnya.

Siti Nur Baiizati Mohd Isa, Pengurusan 2, bersetuju harga yang dikenakan kepada pelanggan mahal dan tidak berpatutan. Menu yang sama setiap hari menjemukan pelanggan dan amat berbeza dengan kafeteria lain yang menyediakan pelbagai juadah makanan dengan harga berpatutan.

"Isu harga perlu diambil perhatian kerana tidak semua siswa-siswi berkemampuan. Pengusaha perlu mempunyai pertimbangan yang wajar dan setidak-tidaknya menukar menu dua minggu sekali", ujarnya.

Menurut Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain, tindakan mengenakan harga yang mahal tidak wajar kerana sewa yang dikenakan kepada pengusaha hanya RM90 sahaja setiap bulan.

Dr Nik Haslinda berkata banyak rungutan pelanggan diterima dan mesyuarat bersama Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan (MPDFH) telah meneliti isu ini. Hasil mesyuarat memutuskan untuk menjalankan siasatan secara terperinci dan mengumpulkan bukti sebanyak mungkin.

"Pemantauan oleh Jawatankuasa Kafeteria hanya meneliti aspek kebersihan semata-mata tanpa mengambil kira pematuhan harga yang telah ditetapkan. Pemantauan yang dibuat sekali setiap semester tidak mencukupi dan sewajarnya ditambahbaik", katanya.

"Pihak pengurusan desasiswa tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk menukar pengusaha memandangkan markah pemantauan tinggi setiap kali pemantauan dilakukan. Penyiasatan yang dijalankan setidak-tidaknya mampu membantu mengumpulkan bukti untuk diambil tindakan lanjut", tambahnya lagi.

Dr Nik Haslinda turut mencadangkan supaya pemantauan dilakukan tiga kali setiap bulan serta mekanisme operasi pemantauan perlu lebih menyeluruh dan mengambil kira harga makanan yang dikenakan.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Kafeteria dan Permis Perniagaan, Prof Madya Dr Anees Janee Ali, mencadangkan supaya siswa-siswi yang tidak berpuas hati dengan harga makanan yang dikenakan boleh memilih kafeteria lain untuk menjamu selera.

"Dalam hal ini, siswa-siswi dinasihatkan supaya rasional dalam menyelesaikan masalah. Sekiranya merasakan harga yang dikenakan mahal, siswa-siswi perlu berani menyoal untuk mendapatkan penjelasan lanjut", kata beliau.

"Siswa-siswi juga disarankan supaya lebih peka dengan harga bahan mentah semasa yang sememangnya mahal serta kuantiti makanan yang diambil kerana harga lauk-pauk sudah dipaparkan dengan jelas", ulasnya lagi.

Sebarang aduan beserta bukti boleh dilaporkan terus kepada Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain menerusi e-mel nikhaslinda@usm.my untuk tindakan lanjut.

Warga USM tidak manfaatkan tong kitar semula



TERSUSUN... antara tong kitar semula di desasiswa yang tidak digunakan secara maksimum bagi mencapai matlamat kelestarian bersama di USM.

Penggunaan tong kitar semula di USM dilihat tidak menyeluruh terutama di desasiswa. Tujuan tong ini disediakan oleh Sukarelawan Kampus Sejahtera (SKS) adalah bagi melestarikan warga USM agar mereka menjaga kebersihan kampus dan desasiswa.

Namun terdapat segelintir pihak yang tidak menjaga atau memanfaatkannya dengan baik. Mereka tidak menyelenggarakan tong tersebut dengan elok, terbiar atau dikotori dengan sampah yang tidak sepatutnya berada di situ.

Menurut Pegawai Penyelidik SKS, Encik Muhamad Nur Hazim Mazlan, sikap siswa-siswi juga antara punca kepada masalah ini.

"Mereka tidak bertanggungjawab dalam menjaga amanah yang diberikan dan membuang sampah sarap seperti sisa makanan dan kotak minuman yang masih berair di dalam tong tersebut. Hal ini menyebabkan lama-kelamaan ia dipenuhi dengan ulat dan kawasan sekitarnya berbau busuk serta kotor", jelasnya lagi.

Beliau juga berkata bahawa penyelenggaraan kebersihan tong tersebut adalah di bawah tanggungjawab desasiswa serta penghuninya sendiri. Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) diberi kuasa untuk memastikannya berada dalam keadaan bersih dan digunakan secara maksimum.

"Kami ingin memupuk minat siswa-siswi dalam menjaga kebersihan dan mengaut untung di mana dengan pengumpulan barangan kitar semula itu dan dijual akan dapat menambah pendapatan sampingan mereka", tegasnya lagi.

Dia mengatakan bahawa setiap tong tersebut memiliki nombor rekod yang membolehkan mereka mengenal pasti pemilik dan lokasi sebenar tong tersebut diserahkan pada mulanya. Oleh itu, setiap desasiswa dan penghuninya harus menjaganya dengan baik dari segi kebersihan dan penggunaan yang dapat memberi manfaat kepada mereka.

Lokasi Uptown Mall tidak strategik

Oleh **NOR KHAMISAH SAIDIN**

Uptown Mall Universiti Sains Malaysia (USM) sepatutnya menjadi tempat berkumpul siswa-siswi menjadi sepi kerana lokasi yang tidak strategik ditambah pula dengan kedai-kedai yang tidak selalu dibuka.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Adnan Hussein, memang tidak dinafikan isu lokasi adalah penyebab siswa-siswi tidak mengunjungi Uptown Mall USM.

"Siswa-siswi selalunya tidak melalui kawasan Uptown Mall disebabkan isu lokasi yang tidak strategik. Oleh itu saya telah berbincang dengan pegawai yang terlibat untuk merancang aktiviti berterusan mungkin secara mingguan atau berkala bagi menarik kedatangan siswa-siswi ke Uptown Mall", ulas beliau.

Menurut Prof Adnan lagi, sepatutnya ada kerjasama antara Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) dengan penyewa kedai supaya promosi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

"Penyewa kedai perlu berusaha untuk menarik kedatangan siswa-siswi misalnya dengan membuat tawaran harga dan tidak hanya mengharapkan BHEPP sahaja", tambah beliau lagi.

Nurul Syazwani Abu Bakar, Sains Komputer 4, berkata lokasi Uptown Mall tidak strategik dan agak jauh dari desasiswa dan pusat pengajian menyebabkan kurangnya kunjungan daripada siswa-siswi.

Nurfarhana Alirnor, Pengurusan 3, juga bersetuju kerana lokasi Uptown Mall yang agak terpencil ditambah pula dengan ketiadaan bas di situ. Siswa-siswi yang kebanyakannya tidak mempunyai kenderaan tidak rajin untuk mengunjungi Uptown Mall kerana jarak yang agak jauh.

"Uptown Mall mempunyai banyak kedai yang menawarkan pelbagai barang dan makanan sepatutnya berada di kawasan yang strategik seperti Kompleks Eureka bagi memudahkan siswa-siswi mengunjunginya", tambahnya lagi.

Pengurusan kemudahan dewan kuliah tanggungjawab bersama

Pengurusan kemudahan dewan kuliah di Universiti Sains Malaysia (USM) sememangnya menjadi tanggungjawab bersama seluruh warga kampus.

Isu kemudahan di sesetengah dewan kuliah yang tidak terurus menjadi topik perbincangan dalam kalangan siswa-siswi di laman sosial. Menurut Jurutera Awam, Jabatan Pembangunan (JP) USM, Zairil Azhar Zainol, pihaknya melakukan pemerhatian secara berkala khususnya pada awal dan akhir setiap semester.

"Siswa-siswi seharusnya melaporkan sebarang kerosakan yang dikenalpasti di dewan kuliah kerana mereka berperanan sebagai pengguna. Mereka boleh melaporkan masalah tersebut kepada pensyarah ataupun secara langsung kepada JP. Jika laporan diterima, kerja-kerja penambahbaikan akan dilakukan secepat mungkin, bergantung kepada pembekal alat ganti perabot yang kadang-kala terpaksa mengimport barangan dari luar negara," tambahnya lagi.

Nurul Farhana, Ilmu Pendidikan 2, menyatakan bahawa kadangkala kerosakan perabot di dewan kuliah masih kekal untuk tempoh masa yang berpanjangan. Menurutnya lagi, sudah menjadi tanggungjawab siswa-siswi untuk membuat aduan kepada JP mengenai masalah yang dihadapi secepat mungkin.

"Kadangkala, siswa-siswi tidak tahu saluran yang betul untuk membuat aduan dan bersikap sambil lewa jika masalah tersebut tidak memberikan kesan negatif kepada diri sendiri. Mereka seharusnya lebih bertanggungjawab dan bekerjasama dengan pihak JP untuk menguruskan kemudahan di dewan kuliah," jelasnya.

Zairil berharap agar siswa-siswi akan menggunakan segala kemudahan di dewan kuliah secara berhemah dan melaporkan sebarang kerosakan untuk kebaikan bersama.

Usaha tangani tikus dilihat berkesan

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

Masalah tikus di Desasiswa Nurani Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) sejak September lalu berjaya dikurangkan melalui pelbagai usaha oleh pihak USM.

Pada 29 September 2014 lalu akhbar The Star, menyiarkan tentang masalah tikus yang berlaku di kafeteria Desasiswa Nurani. Akhbar tersebut menyiarkan mengenai aduan siswa-siswi terhadap masalah tikus yang berkeliaran di kafetaria desasiswa itu.

Perkara yang sama juga telah berlaku tahun lalu di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) apabila akhbar Kosmo 12 Oktober 2013 melaporkan kejadian pembiakan tikus di sekitar wad dan kantin hospital.

Menurut Penggawa Desasiswa Nurani, Tuan Haji Yusoff Abdullah, punca sebenar masalah ini terjadi apabila kedudukan Desasiswa Nurani terlalu hampir dengan kawasan pasaraya dan medan selera Bandar Kubang Kerian. Perkara ini membuatkan tikus-tikus ini keluar masuk mencari makanan di kawasan kantin dan kafeteria desasiswa.

Ulasnya lagi, pelbagai usaha telah dijalankan pihak pengurusan Desasiswa Nurani



nday 29 September 2014 PP1641/03/2013 (No. 20130) (031549) Peninsula RM1.20, Sabah RM1.80, Sarawak RM1.20

web: thestar.com.my mobile: thestarmobile.com Customer Service: 1300 88 7827 facebook.com/TheStarOnline twitter.com/staronline

The people's paper
The Star

NATION
Obama praises Malaysia
US president: Vibrant entrepreneurship is propelling nation into ranks of advanced economies. >2

Rats! This cafe stinks

They are back and thriving at the Universiti Sains Malaysia's Kubang Kerian campus. What's worse, rodents are now said to be running freely at the cafeteria of the university's health campus – certainly an unhealthy state of affairs. > See Page 3 for stories by CHRISTINE CHEAH and L. SUGANYA

EXCLUSIVE

DESA SISWA NURANI

The Star, 29 September 2014 melaporkan masalah tikus di sekitar kafeteria Desasiswa Nurani yang aktif terutama pada waktu malam.

dengan mengadakan gotong-royong perdana melibatkan semua penghuni desasiswa itu, pembantu awam, pekerja pencucian, pengusaha-pengusaha premis perniagaan dan Jabatan Pembangunan (JP). Ia bertujuan untuk membantu universiti membasmi kewujudan makhluk perosak di kawasan tersebut.

"Pelbagai usaha telah dilakukan oleh JP bagi membantu Desasiswa Nurani dalam menangani isu itu dengan meletakkan racun tikus di dalam lubang yang dikenalpasti sebagai laluan keluar masuk tikus ke kawasan desasiswa dan menutup lubang tersebut dengan simen", kata Tuan Haji Yusoff.

Tambahnya lagi, laluan tikus di sekitar longkang kafeteria juga turut ditutup dengan disimen. Selain itu, pengurusan Desasiswa Nurani juga mengambil langkah memasang perangkap tikus dan diletakkan di kawasan strategik di sekitar kafeteria.

Bagaimanapun, beliau mengakui adalah sukar untuk menghapuskan keseluruhan haiwan perosak itu. Pihaknya akan terus melakukan pemantauan ke atas kawasan di sekitar desasiswa terutama kawasan kafeteria dari semasa ke semasa.

Santai Seni titik permulaan Adikarma

Kumpulan Kesenian Adikarma Kampus Kejuruteraan buat pertama kalinya mengadakan Santai Seni dengan penglibatan dari Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Kampus Kejuruteraan dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Kampus Kejuruteraan yang bermula pada 21 hingga 23 November.

Menurut Pengarah Projek, Jumisye Salleh, Santai Seni ini bertujuan menyedarkan warga kampus bahawa pengertian seni dan budaya adalah luas, tidak tertakluk kepada aktiviti tarian semata-mata dan mengangkat nilai ilmiah dalam aktiviti berunsurkan seni dan kebudayaan.

Sepanjang tiga hari program ini berlangsung terdapat empat aktiviti yang telah disusun termasuklah teater Monolog Jual Ubat lakonan Khalid Salleh, Bengkel Lakonan Teater, Malam Bacaan Puisi Keamanan dan Jelajah Ilmu Tanpa Sempadan.

Monolog Jual Ubat lakonan Khalid Salleh berlangsung dua malam, 21 dan 22 November berjaya menarik minat para penonton dengan pengisian yang cukup bermanfaat dan mendorong untuk melihat persembahannya hingga akhir.

Sesi Jelajah Ilmu Tanpa Sempadan pula dimuatkan dengan aktiviti permainan tradisional, pertandingan mewarna dan bercerita serta pengumpulan buku. Semua aktiviti ini berlangsung selama tiga hari iaitu sepanjang program Santai Seni. Penyertaan terdiri daripada pelajar sekolah dan orang awam. Lebih 500 buku berjaya dikumpul dan diserahkan kepada mereka yang memerlukan serta menjual kepada pengumpul buku-buku lama.

"Saya berharap melalui program ini, siswa-siswi dan masyarakat di luar sana dapat menyedari bahawa seni budaya bukan sahaja tertumpu pada aspek tarian, malah terdapat juga dari segi bahasanya", jelas Jumisye.

Siswa-siswi berpeluang temui Khalid Salleh



Monolog Jual Ubat pernah menjelajah ke seluruh negara dan juga Indonesia yang memukau penontonnya.

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) berpeluang bertemu seniman Khalid Salleh dalam Santai Seni anjuran Kumpulan Kesenian Adikarma Kampus Kejuruteraan pada 21 dan 22 November di Dewan Pusat Pembanguanan Siswa, Kampus Kejuruteraan, USM.

Khalid Salleh,67, mampu membuat penontonnya terpegun dan teruja dengan persembahan teater monolog *Jual Ubat.* Cukup dengan aksi meletakkan bongkah batu di atas sebotol kaca menjadikan persembahannya menarik dan mencuri perhatian siswa-siswi hingga ke akhir persembahan.

"Pemilihan tema 'Jual Ubat' secara logiknya melalui perkataan ubat itu sendiri yang mampu mengubati stres dan elemen-elemen itu yang berlaku dalam dunia jual ubat yang menyebabkan orang ramai sanggup berdiri berjam-jamuntuk mendengar komentar atau gelagat si penjual ubat mengenai isu-isu semasa mengikut persepsinya sendiri", kata Khalid.

Tambahnya lagi, beliau juga mempunyai banyak pengalaman menjual ubat dan dari situ beliau mempelajari pelbagai perkara selain dapat memahami dan melihat pelbagai gelagat masyarakat kini.

Menerusi monolog *Jual Ubat,* beliau dengan pengalaman hidupnya mengajar untuk lebih mengenali hakikat kejadian manusia itu sendiri, alam sekitar, mensyukuri segala nikmat, sentiasa dekat dengan pemilik segala rahsia langit dan bumi serta isu-isu yang dekat dengan masyarakat.

Pengisian dalam monolog beliaujuga menyentuh mengenai keperluan menuntut ilmu yang dikaitkan dengan surah pertama yang diturunkan Allah SWT iaitu Iqra (bacalah). Ilmu boleh diperolehi melalui pembacaan.

Namun, apabila sudah berjaya jangan riak dan pandang rendah dengan orang yang berada di bawah kerana hidup ini saling bergantung dan semua masing-masing menumpang di atas bumi yang pastikan akan mati pada bila-bila masa sahaja.

Menurut Syahirah Atiqah Othman, Ilmu Pendidikan 1, beliau pertama kali melihat teater monolog sebegini. Baginya ia menjadi pengalaman yang sangat berharga kerana dapat melihat sendiri seniman yang tersohor dan serba boleh, bukan sahaja aktivis teater malah seorang pelakon, penulis buku dan pengacara.

Siswa-siswi prihatin pencetus revolusi

Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan Karnival Kampus 2014 yang membariskan pelbagai jenis program dari 14 November hingga 6 Disember di Kubang Kerian.

Karnival Kampus 2014 ialah program berskala besar diuruskan oleh jawatankuasa induk yang terdiri daripada sembilan siswa-siswi yang diketuai Muhammad Juhari selaku Pengarah Jawatankuasa Induk. Setiap program yang dijalankan di bawah karnival akan ditugaskan kepada pengarah projek yang dipilih.

Banyak program yang telah dijalankan seperti Talk Hijrah Let It Go, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Majlis Perasmian Khatan Jamaa'ie, Forum Akademik, Karnival Sukan dan Konsert Nasyid bagi majlis penutupan.

Menurut Muhammad, karnival yang bertemakan Mahasiswa Prihatin, Pencetus Revolusi adalah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Kesihatan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Kampus Kesihatan.

"Tema ini dipilih bagi melahirkan siswa-siswi yang prihatin dan bukan sekadar mementingkan ilmu sehingga tidak sedar perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Siswa-siswi yang prihatin perlu bagi membawa perubahan yang bermanfaat kepada masyarakat", katanya.

Nur Syuhada' Azman, Sains Perubatan 3, berkata siswa-siswi yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan dapat menerima manfaat yang banyak dan bukan hanya terhad kepada ilmu akademik malah dapat meningkatkan kemahiran insaniah.

"Misalnya dalam program Pemeriksaan Kesihatan Go Health, We Care siswa-siswi daripada beberapa jurusan sains kesihatan bergabung dan sama-sama menjalankan pemeriksaan orang luar secara besar-besaran", katanya lagi.

Program-program Karnival Kampus 2014 terbuka kepada orang awam.

Pendidikan dan kepimpinan pengukuh hubungan dunia dan Asia

Yang Dipertua Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Haji Abbas menyatakan kerjasama antara negara Asia dan dunia dapat dikukuhkan melalui pendidikan dan kepimpinan. Ia juga adalah peranan utama dalam pembentukan Asia baru.

"Saya percaya pendidikan dan kepimpinan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kerjasama antara negara Asia dan dunia", kata Tuan Yang Terutama Pulau Pinang ketika merasmikan Exploring Leadership & Learning Theories in Asia (ELLTA) 2014 di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM) 17 September lalu.

Menurutnya lagi, kepimpinan yang teguh diperlukan untuk memastikan perkembangan negara berterusan dan pendidikan berperanan dalam melahirkan pemimpin masa hadapan.

"Saya berbangga melihat ELLTA mempunyai banyak pemimpin, sarjana dan penyelidik dalam bidang pendidikan yang berperanan menjana tahap pendidikan lebih tinggi supaya pendidikan dan kepimpinan di Asia lebih baik", tambah Tuan Yang Terutama.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman, penggunaan Asian Century di dalam tema persidangan kali ini iaitu Leadership and Learning in the Asian Century menunjukkan kebangkitan Asia memberi kesan kepada dunia.

Menurut beliau lagi, USM sebagai universiti APEX akan membina senario kepimpinan masa hadapan di kawasan-kawasan tumpuan sama ada peringkat nasional atau antarabangsa bertepatan dengan cogan kata USM, Kami Memimpin.

"Kita akan melaksanakan inisiatif kepimpinan melalui sesi dialog dan jalinan kerjasama, menggunakan model inovatif kepimpinan dan usaha sama, mencipta kaedah yang fungsional dan lestari serta membentuk pentadbiran", kata Omar ketika memberikan ucapan aluan.

ELLTA adalah satu persidangan yang mengumpulkan sarjana dari pelbagai negara untuk membincangkan isu-isu mengenai pendidikan dan kepimpinan Asia.

Tujuan utamanya adalah meneroka, mengakui, mengukuhkan dan memperkenalkan teori Asia kepada bidang kepimpinan dan pendidikan yang lebih meluas.

Persidangan kali ini adalah kali yang ketiga dan adalah usaha sama antara USM dan ELLTA Association.



Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Haji Abbas (tengah), diiringi oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman (kanan) merasmikan READS: Reading Evaluation and Decoding System yang mampu mengesan kebolehan membaca dan memahami bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Gambar oleh Norsyafiqah Zamal Ishak.

Exchange students forum builds bridge of understanding

Hiroshima University (HU)-Universiti Sains Malaysia (USM) Student Exchange Forum aims to create understanding across culture and interdisciplinary.

The HU-USM Forum was held at School of Educational Studies from the 20th till 30th November 2014 involving 11 HU students and 14 USM students. The theme of the forum is 'Poverty and Peace' and 'Seize the day'.

During the Vice Chancellor of USM, Professor Dato' Dr Omar Osman opening remarks on happiness, he said that the theme is good.

"Seizing the day for a brighter future is not about not being happy at the end of the day. As I have seen from the programme, many of the topics in the forum are about how to seize challenges today for a brighter future. So this is a very good theme", he said.

According to lecturer of HU, Professor Norihiro Kuroda, the forum is under the wider framework of an international inter-university network called Africa-Asia University Dialogue for Educational Development which started in 2004.

"The dialogue involves 30 universities in total, 16 from Africa and 14 from Asia. Of course, our universities, HU and USM are the major members", Kuroda said.

He also said that the very nature of the HU-USM Forum is students' initiative which is an important feature of the programme.

"Students have designed and now, you are implementing so this programme is different from participating in an international forum or seminar organised or prepared by somebody else. You, yourselves are designers and implementors and at the same time participants", he explained.

Dean of School of Educational Studies, Professor Dr Abdul Rashid also emphasise on the importance of out-of-classroom experiences in the current educational development.

"The 21st century learning scenario sees 80% of lesson not conducted in classroom anymore. It is going to be outside. The learning framework, skill, content, knowledge and expertise are designed to capture understanding across and among core subject," Professor Rashid said.

The forum involves students from different schools like Social Science, Educational Studies, Housing, Building and Planning (HBP), Industrial Technology, Communication and Engineering

"The reason we have not just one faculty but different is because those are the core to cross the border. We need to capture the understanding between the interdisciplinary and culture", he added on.

The USM student representative, Mohd Mustaqim Zakaria said that the programme is good as it gives students the chance to share their opinions.

"The forum is a good platform to enhance the capability of each student. At the same time, USM and HU students can forge a good relationship with each other," Mustaqim said.

He also hopes that all the participants appreciate and use the forum as an opportunity to improve themselves.

The HU student representative, Mutsumi Eda on the other hand said that although they face many difficulties, the forum has been successful.

"Although there are so many difficulties, but now we are here this very day and we can make wondrous things from this student exchange forum. We can cross across border, culture and religion", she said.

Usaha Penerbit USM buahkan hasil

Oleh **MICHELE NG HENG KIM**

Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) berperanan penting dalam membantu USM meningkatkan prestasinya.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman mengatakan bahawa USM telah memberi sumbangan yang besar kepada penulis-penulis buku.

"Karya-karya yang diterbitkan pada hari ini mempunyai penanda aras tersendiri dan mampu digunakan oleh masyarakat sebagai bahan ilmiah, rujukan dan berkemungkinan memenangi anugerah di pelbagai peringkat", kata Omar semasa merasmikan Majlis Pelancaran Buku Penerbit USM 2014 pada 18 November yang lalu.

Beliau turut menyeru kakitangan akademik yang telah melahirkan 580 graduan pasca siswazah (Ph.D) untuk menggalakkan pensyarah dan siswa-siswi untuk membukukan hasil penyelidikan mereka.

Sebanyak 28 buah buku terbitan Penerbit USM yang dihasilkan oleh pengarang dari dalam negara khususnya USM dan pengarang luar negara telah dilancarkan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada staf-staf Penerbit USM, pengkarya dan ketua-ketua pengarang USM yang berjaya menerbitkan buku yang mendapat sanjungan di pelbagai peringkat dan berkualiti.

"Kita harus memastikan penerbitan jurnal akan berterusan, lestari dan cemerlang. Kita boleh mengenal pasti usaha penerbitan secara sendirian dan kecil-kecilan supaya dinaikkan tarafnya menggunakan penanda aras dan proses yang sesuai", tambah beliau.

Beliau mengatakan usaha Penerbit USM tidak terhad kepada majlis pelancaran tersebut tetapi berterusan sebagai sumber saluran pengetahuan dan penyelidikan kepada masyarakat.

"Fungsi Penerbit USM bukan setakat memastikan karya-karya USM diterbitkan berkualiti dan bermutu tetapi menjadikan penerbitan sebagai saluran untuk mengeluarkan dan menterjemah pengetahuan yang sesuai dan relevan kepada masyarakat", jelas beliau.

Beliau juga menyeru seluruh warga penerbit dan sidang pengarang supaya menilai dan bekerjasama dengan pensyarah dan sesiapa yang berminat untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka untuk memastikan kecemerlangan akademik dan pendidikan diiktiraf seiring dengan hala tuju USM.

Beliau mengatakan cabaran terbesar yang dihadapi bidang penerbitan ialah plagiarisme terutama apabila terdapat banyak siswa-siswi dan pensyarah yang membukukan penyelidikan mereka.

"Kadang-kala, kita tidak sempat melihat proses penyelidikan yang dijalankan maka kita harus berhati-hati supaya nilai karya yang diterbitkan benar-benar berkualiti", kata beliau.



Penerbit USM bukan setakat memastikan karya-karya USM diterbitkan berkualiti dan bermutu tetapi menjadikan penerbitan sebagai saluran untuk mengeluarkan dan menterjemah pengetahuan yang sesuai dan relevan kepada masyarakat





GELANDANGAN hanya berkatil kotak dengan iringan tiupan angin yang dingin pada waktu malam. Apakah penyebab di sebaliknya?

Hikmah di sebalik larangan



Badan bukan kerajaan (NGO) Soup Kitchen yang berpusat di Kuala Lumpur diberi tempoh hingga Isnin depan untuk berpindah keluar dari pusat bandar sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan saman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, *Malaysian Insider*, 3 Julai 2014

Begitulah kedengaran pengumuman oleh Menteri Wilayah Persekutuan yang telah mengejutkan seluruh warga Malaysia. Tindakan ini sebenarnya menunjukkan keseriusan kerajaan Malaysia dalam membersihkan ibu negara daripada belenggu gelandangan dan pengemis. Namun, adakah tindakan ini berperikemanusian?

Kita harus sedar masalah gelandangan bukan sahaja wujud di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Ia tidak mustahil untuk melihat golongan gelendangan kebiasaannya berkumpul di bandar-bandar besar di negara-negara maju. Mengapa? Bandar besar bermaksud lebih ramai orang maka peluang hidup golongan gelandangan tinggi. Lebih ramai orang yang kaya maka lebih banyak wang atau makanan yang boleh didapati. Itulah situasi yang kita alami sekarang.

Di sebalik bangunan pencakar langit yang memenuhi pemandangan dan kenderaan dan penduduk yang senantiasa sibuk di bandar, wujudnya golongan gelandangan yang hidup merempat, tersembunyi daripada pandangan umum dan hanya muncul semasa kita tidur dengan selesa di atas katil yang empuk. Mereka pula hanya berlantaikan kotak dan berbumbungkan langit.

Bayangkan 100 juta orang di seluruh dunia dianggarkan menjadi gelandangan yang tidak mempunyai tempat tinggal dan lebih daripada 1 bilion orang tidak tinggal dalam keadaan mencukupi. Maka, gelandangan adalah masalah yang semakin merebak dengan penduduk bandar utama kebanyakannya tidak memiliki kemudahan asas iaitu rumah.

Golongan gelandangan di Malaysia tidak bersendirian. Mereka dibantu badan bukan kerajaan (NGO) seperti Soup Kitchen yang membekalkan mereka makanan. Persoalannya di sini adalah sama ada bantuan yang diberikan itu betul-betul membantu atau hanya memudaratkan mereka untuk terus kekal dengan kehidupan yang sentiasa 'dibantu'.

"Mengenai gelandangan ini, kita bukan tidak cuba carikan kerja untuk mereka. Bila kita beri mereka kerja, mereka tidak mahu kerana adanya NGO yang memudahkan mereka mendapatkan makanan. Imej bandar raya terjejas teruk, bukan saja jalan kotor tetapi ada antara mereka penghidap HIV, penagih dadah", kata Tengku Adnan (*Malaysian Insider*, 2014, Julai 3).

Rasional di sebalik tindakan 'kejam' Tengku Adnan adalah untuk mendisiplinkan masyarakat. Soup Kitchen hanya dibenarkan beroperasi dua kilometer dari pusat bandar jika ingin meneruskan pemberian bantuan kepada golongan gelandangan.

Beliau tetap menegaskan tindakannya adalah demi kebaikan semua walaupun masyarakat akan mengecamnya.

Soup Kitchen masih berpegang teguh kepada niat mereka untuk memberi makanan kepada gelendangan walaupun berada di bawah kuasa tindakan DBKL.

"Kami tetap akan teruskan. Biar mereka ambil tindakan, ia lebih daripada sekadar beri mereka makan," kata Munirah Abdul Hamid, pengasas Soup Kitchen, Pertiwi (Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia) (*Malaysian Insider*, 2014, Julai 6)

Menteri Besar Pulau Pinang, Lim Guan Eng, pula menyifatkan larangan tersebut menghalang imej Kuala Lumpur dirosakkan dan memastikan kebersihan bandar namun Tengku Adnan hanya mencipta 'potemkin village'- penipuan yang bertujuan menyembunyikan sebarang fakta yang tidak diingini *(Malaysian Insider*, 2014, Julai 4).

Terdapat begitu banyak pandangan negatif mengenai larangan yang 'kejam' itu. Namun, larangan tersebut berjaya membuka mata masyarakat Malaysia mengenai ketenatan masalah gelandangan di negara kita sendiri. Masalah ini sememangnya wujud sebelum pengumuman Tengku Adnan tetapi ia seakan-akan terlepas daripada pandangan kita. Adakah ia secara sedar atau tidak sedar? Tepuk dada tanyalah selera. Maka, di sebalik kekejaman itu, ada berkat yang tersembunyi.

Persinggahan di sebalik gelandangan

Anjung Singgah ialah tempat persinggahan bagi mereka yang memerlukan tempat perlindungan sementara. Anjung Singgah merupakan penubuhan projek oleh Yayasan Kebajikan Negara, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Penubuhan Anjung Singgah yang pertama adalah di Kuala Lumpur, seterusnya di Johor Bahru, Sarawak dan yang terkini di Pulau Pinang. Penubuhan Anjung Singgah di Pulau Pinang mula beroperasi pada Jun 2014.

Menurut Zulkifli Yaacob, Pegawai Operasi Anjung Singgah Pulau Pinang, sepanjang penubuhan Anjung Singgah di Pulau Pinang, jumlah penghuni yang pernah berdaftar di sini telah mencecah 54 orang. Gelandangan yang ingin berdaftar di sini haruslah memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu berumur 18 tahun dan ke atas, warganegara, tiada pekerjaan dan tempat tinggal, bebas dari penyakit berjangkit, dan berpotensi untuk berdikari. Anjung Singgah juga telah menetapkan beberapa peraturan lain seperti penghuni tidak dibenarkan keluar selepas jam 10 malam. Aktiviti keluar dan masuk penghuni akan diperiksa dengan teliti bagi mengelakkan mereka membawa masuk barang terlarang seperti dadah dan sebagainya. Kebiasaannya gelandangan akan berdaftar dengan sukarela namun terdapat juga golongan gelandangan yang berdaftar melalui badan-badan NGO.

Anjung Singgah menyediakan pelbagai perkhidmatan percuma kepada golongan gelandangan yang tiada pekerjaan dan tempat tinggal. Pusat ini memperuntukkan tempoh selama dua minggu sahaja kepada mereka yang berdaftar di sini. Namun, sekiranya individu yang berdaftar memerlukan lanjutan tempoh, maka Anjung Singgah akan mempertimbangkan permohonan tersebut sehingga semua masalah selesai.

Kewujudan Anjung Singgah membuka peluang kepada golongan gelandangan untuk keluar dari pekung kegelapan. Antara objektif Anjung Singgah adalah membantu golongan gelandangan yang tiada tempat tinggal, pekerjaan dan saudara terdekat. Pusat ini akan membantu golongan gelandangan mendapatkan pekerjaan mengikut kelayakan dan kemahiran yang dimiliki. Anjung Singgah akan berusaha untuk mendapatkan agensi yang sanggup mengambil golongan ini untuk bekerja walaupun mereka tidak mempunyai sijil kelayakan. Selain itu, mereka juga membantu golongan ini keluar dari masalah seperti hidup merempat dan tiada hala tuju.

Kejayaan golongan gelandangan membuktikan Anjung Singgah telah mencapai objektif penubuhan mereka. Ramai gelandangan yang berjaya mengubah hidup mereka hasil bantuan daripada Anjung Singgah. Sebagai contoh, terdapat klien Anjung Singgah kini telah bekerja sebagai guru tuisyen yang mengajar subjek bahasa Inggeris di Pusat Tuisyen A ONE. Selain itu, terdapat juga klien yang berjaya membuka restoran sendiri yang dikenali sebagai RDC Meja Venture, beroperasi di Kompleks Komtar, Pulau Pinang.

Di samping itu, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Anjung Singgah adalah sangat istimewa kerana segala perkhidmatan diberi secara percuma. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah makanan dan minuman, barangan mandian, pakaian, pemeriksaan kesihatan, dan kaunseling.

Tambahan pula, Anjung Singgah akan membawa penghuni untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial seperti sambutan Hari Kemerdekaan dan majlis berbuka puasa. Tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk merapatkan jurang dengan komuniti.

Menurut Zulkifli, golongan gelandangan ini wujud di bandaraya berpunca daripada kos sara hidup tinggi, harga sewa rumah tinggi dan taraf pendidikan. Secara logiknya, majikan sudah pasti akan menawarkan pekerjaan kepada mereka yang berpendidikan. Oleh itu, golongan yang tidak berpendidikan akan terus dipinggirkan.

Pilihan sendiri atau terpaksa?

Kepesatan dan kemajuan George Town, Pulau Pinang, bukanlah kayu pengukur tahap kemewahan masyarakat setempat disini. Pada waktu siang mungkin George Town dilihat indah, namun apabila malam menjelang, mata akan dihidangkan dengan situasi yang akan menyakitkan mata dan perasaan. Kemudian pasti akan timbul pelbagai bentuk persoalan mengapa, apa dan siapa mereka sebenarnya?

Siapa mereka? Golongan ini terdiri daripada individu yang sedang bekerja di beberapa tempat dengan gaji yang tidak seberapa. Ia tidak cukup untuk menyewa rumah ataupun bilik. Ini kerana pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian mereka.

Ada juga golongan warga emas yang tersisih dari keluarga atas pelbagai sebab. Ada juga mereka yang cacat anggota badan, namun mahu hidup berdikari tanpa mahu menyusahkan keluarga namun terpaksa hidup di jalanan kerana gagal mencari pekerjaan.

Sepanjang berada di sekitar bangunan Komtar, mata melilau pada sudut-sudut tertentu di sekitar kawasan tersebut. Gelandangan-gelandangan dilihat tidur di atas bahu jalan, bawah bangunan dan ada juga di kaki lima dengan berbumbungkan langit.

Tiada tilam empuk dan bantal. Mereka hanya menjadikan beg yang barangkali berisi pakaian sebagai bantal. Para gelandangan itu juga tidak menghiraukan debu-debu yang berterbangan yang memungkinkan mereka terkena jangkitan penyakit.

Emosi sayu mula menyapa tatkala melihat seorang gelandangan yang hanya mahu dipanggil sebagai Uncle Ong dengan hanya menyarung baju yang agak lusuh. Dia tidur berdengkur dan jelas dia nampak betul-betul letih. Mungkin seharian berjalan demi mencari sesuap nasi.

Kenderaan yang bertali arus ditambah dengan kicauan burung gagak tanpa henti pada subuh yang bakal berlabuh itu, sedikit pun tidak mengganggu lena Uncle Ong.

Lelaki separuh umur itu terus memeluk sebuah beg plastik berisikan baju yang dijadikan bantal peluknya. Ada ketikanya, kedengaran dia terbatuk-batuk kecil. Barangkali kesihatannya tidak begitu baik disebabkan debu-debu dari jalanan.

Beberapa minit kemudian dia terjaga dari tidurnya. Uncle Ong tidak segan untuk berkongsi cerita kehidupannya sebagai seorang gelandangan.

Uncle Ong yang dulunya menetap di rumah ibunya di Bagan Datoh, Perak, dihalau keluar selepas kematian ibunya kerana krisis perebutan harta antara adik-beradiknya.

Dia juga bekerja pada waktu siang di sebuah kedai keranda sebagai pekerja biasa dengan purata gaji RM20 sehari dari jam 11 pagi hingga 2 petang. Gajinya hanya mencukupi untuk menampung perbelanjaan beberapa hari sahaja kerana dia hanya bekerja tiga hari seminggu kerana masalah kesihatan.

Menurutnya lagi, sebelum ini dia pernah bekerja di sebuah kilang ais namun terpaksa diberhentikan kerana mengalami kecederaan yang serius di kaki akibat kemalangan jalan raya tujuh tahun yang lalu.

"Orang selalu beri makanan hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tapi kalau hari lain tak ada dan adakalanya kami terpaksa tahan lapar sebab tak ada duit untuk beli makanan", tambahnya.

Wajahnya tenang apabila ditanya tentang perasaannya tentang cara masyarakat melihat mereka sebagai pengotor, jijik dan pemalas.

"Uncle makan apa yang gelandangan lain makan, Uncle tak ada rumah dan tinggal merata-rata, tapi nak buat macam mana, cara orang fikir lain-lain, biarkan saja," jawabnya ringkas.

Apabila ditanya tentang kisah terdapat gelandangan ditangkap dan dihalau oleh pihak berkuasa, Uncle Ong menafikan perkara tersebut.

"Sudah hampir tujuh bulan tidur di sini, polis tidak pernah tangkap atau halau tapi ramai beri makanan dan air seperti bihun goreng, nasi lemak dan air mineral", ujarnya dengan ringkas.

Terlalu banyak persoalan sebenarnya yang ingin dilontarkan. Namun, demi menjaga hatinya yang sudah lama berkecamuk, hasrat itu dipendam.

Kisah kebanyakan gelandangan semuanya tentang kecelaruan dan kesedihan. Begitu juga kisah seorang lelaki yang hanya mahu dikenali sebagai Pak Din, yang berumur dalam lingkungan 50-an.

Pak cik Din baru berada di Pulau Pinang selama 10 hari kerana tiada duit untuk ke tempat lain apatah lagi untuk menyewa rumah mahupun bilik.

"Pakcik datang ke sini nak cari kerja sebab hidup di Kuala Lumpur mahal sangat tapi lain pula yang jadi di sini," katanya.

Setiap hari tanpa mengenal erti putus asa dia cuba mencari kerja di sekitar George town malangnya disebabkan statusnya seorang gelandangan yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap serta tubuh badan yang uzur menyebabkan dia tidak diambil bekerja.

"Pakcik nak kerja sebagai pengawal keselamatan tetapi mereka kata pakcik tua sangat dan tak layak, mereka nak orang muda yang lebih kuat dan sekurang-kurangnya ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)", katanya.

"Pernah pergi minta bantuan di sebuah pusat bantuan negeri di Butterworth tetapi mereka beri RM30 sahaja", tambahnya lagi.

"Siang hari pak cik berjalan sekitar bandar dan kalau bernasib baik, ada yang memberi makanan secara percuma dan ada juga yang beri wang untuk beli makanan, orang Malaysia baik hati", ujarnya lagi.

Apabila ditanya tentang persepsi masyarakat terhadap mereka, Pakcik Din berkata itu bukan lagi perkara baru baginya dan juga gelandangan yang lain.

"Pakcik tak kisah sebab pakcik orang tua tapi kalau orang muda mungkin perlu malu sebab orang akan anggap mereka pemalas untuk bekerja kerana mereka masih kuat", katanya lagi.

Hal ini kerana mereka tiada pilihan lain dek tidak mampu menampung kehidupan. Namun, ada juga sesetengah daripada mereka memilih menjadi gelandangan atas sebab-sebab tertentu seperti isu kekeluargaan, dan persaingan pekerjaan iaitu sesetengah organisasi mengambil warga asing berbanding pekerja tempatan kerana kos lebih murah.

Melihat keadaan tersebut, pelbagai persoalan timbul di fikiran. Adakah mereka sudah makan? Adakah mereka mendapat rawatan kalau sakit? Bilakah kali terakhir mereka tersenyum dan ketawa dan adakah dia tahu tentang terdapat tempat yang selamat untuk mereka tinggal?

Gembleng tenaga bantu gelandangan

Pemerkasaan (empowerment) dari masyarakat adalah penting dalam usaha membantu golongan gelandangan dan juga kemiskinan bandar. Gabungan tenaga dan prihatin daripada masyarakat sosial mampu memberi perubahan dan galakan kepada mereka supaya tidak terpinggir walaupun menghadapi masalah kehidupan. Berikut ialah sebahagian badan organisasi sukarelawan yang memberi fokus kepada isu kelaparan.

1.FOOD NOT BOMBS (FNB)

FNB ialah satu konsep yang meluas di seluruh dunia dengan ideologi membahagikan makanan vegetarian percuma kepada golongan yang kelaparan. Usaha ini dilihat sebagai satu penentangan terhadap peperangan dan kemiskinan, menyediakan makanan dengan sumber yang berlebihan dari kedai runcit, pasar, restoran dan sebagainya supaya tidak berlaku pembaziran. Usaha ini berterusan lebih dari 30 tahun dan semua orang boleh mengusahakan konsep ini secara kolektif atau individu bagi menangani masalah kelaparan.

2. KECHARA SOUP KITCHEN (KSK)

KSK, satu kumpulan komuniti yang membekalkan makanan percuma, rawatan perubatan asas dan kaunseling kepada golongan gelandangan dan miskin bandar. Dengan moto Hunger Knows No Barries, KSK memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan tanpa sebarang diskriminasi. Mereka berusaha mengurangkan bilangan gelandangan dengan membantu mereka supaya berkeupayaan bekerja dan memasuki masyarakat semula.

KSK Pulau Pinang akan membahagikan makanan percuma pada setiap hari Isnin, bermula dari jam 10.30 malam di sekitar George Town. Sebarang pertanyaan sila hubungi Direktor KSK Pulau Pinang, Patsy Gooi, 012-4022992.

3. DAPUR JALANAN PULAU PINANG (DJPP)

DJPP berinisiatif memupuk kesedaran budaya pembaziran makanan dan usaha kitar semula makanan yang berlebihan. Berbeza dengan FNB dan KSK, DJPP lebih menumpu kepada pembinaan hubungan komuniti. Mereka menjalankan aktiviti pembahagian makanan percuma di kawasan perumahan yang berpendapatan rendah.

Kini DJPP membahagikan makanan setiap dua minggu sekali pada hari Ahad, 5.30 petang. Maklumat lanjut dapat diperoleh dari laman sosial Facebook, Dapur Jalanan Pulau Pinang.

4. HUMANE SOCIETY PENANG (HSP)

HSP, satu organisasi sukarelawan yang mendapat ilham dari Reach Out Malaysia (Kuala Lumpur), memberi fokus kepada masalah sosial terutama golongan gelandangan yang berada di sekitar Pulau Pinang.

HSP akan membahagikan makanan percuma di antara seminggu hingga dua minggu sekali di sekitar George Town, Pulau Pinang. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Affeq Adros, 012-4833 877 atau layari laman sosial Facebook, Humane Society Penang.

MEMBANTU SECARA LANGSUNG

Bagi pengasas HSP, Hilmi Adi Ruzaini Abdullah, pada awalnya HSP, beliau dan pengasas yang lain menggunakan duit sendiri sebagai modal permulaan. Sehingga kini, HSP tidak menerima bantuan kewangan, tetapi mengalu-alukan penderma menyumbang barang keperluan, serta menyertai aktiviti mereka secara langsung.

"Dengan ini, penderma dapat melihat cara duit mereka digunakan. Berbanding dengan menderma wang yang banyak kepada pertubuhan amal yang mendirikan bangunan pertubuhan besar dan mewah, derma wang tersebut tidak memanfaat terus kepada golongan yang memerlukannya", kata Hilmi.

Bagi beliau, memberi bantuan sebenarnya perkara mudah tetapi sejauh manakah komitmen dan bantuan yang sanggup diberi?

"Kebanyakan kita mempunyai kehidupan selesa, perlindungan baik, maka kita tidak dapat memahami keadaan gelandangan. Maka, saya galakkan orang muda untuk menyertai HSP kerana ini adalah peluang mereka memahami kesengsaraan hidup dan belajar untuk bersyukur. Persepsi terhadap golongan gelandangan juga akan berubah", kata Hilmi.

"Sudah hampir tujuh bulan tidur di sini, polis tidak pernah tangkap atau halau tapi ramai beri makanan dan air seperti bihun goreng, nasi lemak dan air mineral"

USM turut prihatin gelandangan

Di samping usaha badan sukarelawan, Universiti Sains Malaysia (USM) turut menggembleng tenaga bersama untuk membantu golongan gelandangan di Pulau Pinang.

Menurut Yang DiPertua Rancangan Khidmat Masyarakat (RKM) USM, Koh Yong Lik, RKM sudah menetapkan empat fasa dalam proses mendekati gelandangan dengan kerjasama Urusetia Menangai Gejala Sosial (UNGGAS), sebuah badan NGO yang turut prihatin terhadap masalah sosial.

Antara empat fasa dibahagi kepada:

Fasa 1, mendekati gelandangan dengan memberi sumbangan iaitu makanan dan pakaian. Fasa 2, memahami masalah dan kesulitan yang dialami oleh mereka. Fasa 3, menyediakan tempat tinggal dan menghubungi saudara-mara terdekat. Fasa 4, menjadikan USM sebagai pusat utama golongan gelandangan iaitu menyediakan tempat tinggal bagi mereka.

"Bagi semester ini, RKM telah mengadakan projek dekati gelandangan sebanyak dua kali. Pihak kami telah berusaha memaksimumkan projek ini walaupun ia memerlukan sejumlah wang untuk dijalankan. Projek ini akan dijalankan secara berterusan dan aktiviti terdekat adalah pada bulan Disember", tambah Koh.

Oleh **VICTORIA SOFIA**

Dengan pengiktirafan bandaraya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) UNESCO, setiap jalan mempunyai ceritanya sendiri. Begitu juga dengan Lebuh Acheh, salah satu kawasan yang meninggalkan jejak warisan masyarakat Islam di George Town.

Kedatangan Tengku Syed Hussain Abdul Rahman al-Aideed ke Pulau Pinang telah melahirkan salah sebuah pusat Islam di rantau itu. Pada suatu ketika dahulu, Lebuh Acheh juga merupakan pusat urusan haji dan diberi gelaran 'Jeddah Kedua'.

Kebanyakan bangunan-bangunan di kawasan tersebut kini telah diwakafkan dan dimiliki oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

Walaupun secara fizikal bangunan dua tingkat itu kelihatan tua, Galeri Khat Pulau Pinang telah memberikan nafas baharu kepada warisan bangunan di Lebuh Acheh. Pada asalnya, No. 87, Lebuh Acheh ialah agensi pengurusan tiket haji yang dimiliki oleh Jeddah Pilgrim Ticket Agency.

"Dulu tempat ini merupakan sebuah pusat haji dan orang ramai telah datang ke tempat ini untuk membeli tiket kapal haji untuk menunaikan ibadat mereka. Kemudian, tempat ini telah dijadikan sebagai tempat percetakan kitab-kitab lama sebelum dibawa ke Kedah, Siam, Kelantan dan sebagainya", jelasnya pegawai tadbir galeri, Fitri Ibrahim.

Fitri juga telah menggambarkan betapa pentingnya bangunan ini dalam menguruskan urusan haji.

"Orang dahulu telah datang ke tempat ini dengan segala wang simpanan mereka tanpa mengetahui mereka akan mendapat tiket kapal haji atau tidak", tambahnya lagi.

Fitri berharap agar galeri ini dapat menonjolkan sesuatu daripada sejarah Lebuh Acheh yang panjang kepada masyarakat. Oleh itu, galeri yang berkonsepkan seni Islam telah diwujudkan untuk menunjukkan keunikan seni khat.

Kini, Galeri Khat Pulau Pinang ialah galeri pertama di Pulau Pinang yang mempamerkan hasil seni khat dari kawasan utara Semenanjung Malaysia. Galeri ini dimiliki oleh Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dengan kerjasama Galeri Chandan dan Think City Sdn Bhd.

Pada 30 Mac 2014, galeri ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas.

Dengan memberikan fokus sepenuhnya kepada seni Islam, galeri ini telah ditubuhkan untuk mencapai beberapa objektif untuk mengembalikan kegemilangan seni khat di tapak warisan dunia George Town.

Selain daripada mempamerkan hasil seni khat, galeri ini ingin melahirkan masyarakat yang berkemahiran dalam seni khat dan mendidik para pengkaji budaya dan masyarakat mengenai seni khat.



Jejaki warisan Islam di Lebuh Acheh

[ATAS] Seni khat boleh diterjemahkan dalam bentuk seni abstrak.
[BAWAH] Kepelbagaian dalam jenis hasil seni golongan dalam mempamerkan seni khat.



Masyarakat juga boleh terlibat dalam usaha pengekalan warisan seni khat dengan perbincangan yang diadakan oleh galeri tersebut.

Seterusnya, segala hasil daripada seni khat akan didokumentasikan dalam bentuk pita rakaman, transkrip dan penerbitan.

Galeri ini telah bergiat aktif untuk menonjolkan warisan seni khat Islam kepada masyarakat luar. Seni khat ini menjadi semakin tidak popular kerana kurangnya tempat untuk masyarakat mempelajari dan mempamerkan hasil seni khat mereka.

Apabila ditanya mengenai keistimewaan galeri ini, Fitri telah menjelaskan usaha Galeri Chandan untuk mencari bakat dan menyediakan hasil seni khat untuk dipamerkan di galeri tersebut.

"Galeri Chandan dari Kuala Lumpur akan mencari artis dan menyediakan platform bagi artis yang berusia 40 tahun ke bawah untuk mempamerkan hasil seni mereka di galeri ini. Maknanya, artis yang ditonjolkan haruslah muda supaya mereka boleh mengembangkan bakat mereka dalam seni khat", jelasnya.

Bagi menampung kos penyelenggaraan galeri tersebut, hasil artis seni khat juga dijual kepada orang ramai. Dalam galeri tersebut, terdapat beberapa hasil seni yang ditandakan dengan tag berwarna hijau bagi menunjukkan karya tersebut telah dibeli.

Keistimewaan seterusnya adalah usaha Galeri Khat Pulau Pinang untuk menubuhkan Akademi Khat Pulau Pinang.

"Akademik Khat Pulau Pinang merupakan satu inisiatif untuk mengadakan kelas di sekolah-sekolah sekitar Pulau Pinang untuk melatih pelajar yang berminat untuk mendalami seni khat", katanya.

Beliau juga menjelaskan meskipun terdapat sesetengah individu yang mahir untuk menulis dalam tulisan jawi, namun bukan semua orang yang mempelajari seni khat secara mendalam. Oleh itu, akademi khat ini bertujuan untuk mengajar jenis-jenis khat yang wujud dan cara yang tepat untuk menulis seni khat.

Walaupun Galeri Khat Pulau Pinang telah berjaya memberikan nafas baharu kepada Lebuh Acheh, usaha untuk membaikpulih bangunan itu telah mengambil kos yang agak tinggi.

Fitri telah memberikan anggaran sebanyak RM100,000 bagi menjalankan kerja-kerja membaikpulih.

Bangunan itu juga sedang menghadapi ancaman daripada haiwan dan serangga perosak seperti tikus dan anai-anai. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan galeri tersebut telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan mengupah perkhidmatan kawalan serangga perosak.

Selain itu, peraturan yang ketat dalam pengurusan TWD George Town juga ialah salah satu cabaran yang dialami oleh Galeri Seni Khat Pulau Pinang.

Memandangkan galeri tersebut terletak di zon teras Tapak Warisan Dunia George Town, sebarang kerja-kerja pengubahsuaian pada reka bentuk bangunan adalah dilarang. Peraturan itu juga telah dikenakan kepada pemilihan warna cat bangunan luar di kawasan teras George Town World Heritage Inc (GTWHI).

"Sekiranya kami ingin melakukan kerja-kerja pengubahsuaian, kami harus meminta kelulusan daripada Jabatan Warisan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Kalau kami tidak mengikuti arahan tersebut, kami boleh disaman", katanya.

Tambahnya lagi, peraturan yang ketat itu termasuklah kerja-kerja membaiki dan menggantikan bahagian bangunan yang rosak.

"Bagi bangunan Kategori 1, jika bangunan itu diperbuat daripada kayu cengal, maka jenis kayu yang sama harus digunakan", jelasnya.

Galeri ini ingin menonjolkan elemen-elemen Islam dan keunikan warisan budaya di George Town yang tidak ada di tempat lain.

Walaupun terdapat pelbagai pembaharuan daripada pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia seperti mural dan kafe-kafe butik, Fitri Ibrahim berpendapat bahawa perlu juga wujudnya usaha untuk menunjukkan keunikan budaya Islam yang hanya boleh didapati di TWD ini.



Tepung pulut yang dicampur dengan air dan air garam digentel halus sebelum dimasak dengan kuah

Tradisi etnik Banjar makin pudar

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Jika disebut Jawa, Bugis, Minangkabau, Johor-Riau, dan pelbagai etnik lain, masyarakat akan dapat membayangkan bahasa, adat dan pelbagai lagi mengenai etnik tersebut. Namun tidak bagi etnik Banjar. Kebanyakan masyarakat kurang mengetahui dengan mendalam mengenai etnik Banjar dan keistimewaannya.

Etnik Banjar adalah salah satu suku kaum yang terdapat dalam rumpun masyarakat Melayu. Sejarah kedatangan masyarakat Banjar ke Malaysia hampir sama dengan kedatangan masyarakat Jawa. Kedua-dua etnik ini berasal dari Indonesia tetapi masyarakat Jawa datang dari Kepulauan Jawa manakala masyarakat Banjar pula dari daerah Banjarmasin.

Masyarakat ini terbahagi kepada beberapa puak iaitu Tanjung dan Kalua dari daerah Balangan, Amuntai dari daerah Amuntai, Barabai dari daerah Alai, Nagara dan Kandangan dari daerah Hamandit, Rantau dari daerah Margasari dan Martaputra dari daerah Martaputra.

SEJARAH KEDATANGAN ORANG BANJAR KE TANAH MELAYU

Orang Banjar dari dearah-dearah ini bermigrasi ke Tanah Melayu disebabkan dua faktor utama iaitu terdapatnya faktor 'penolak' dari negaranya seperti keadaan politik yang tidak stabil akibat tekanan dari penjajah Belanda dan faktor 'penarik' dari Tanah Melayu antaranya iaitu peluang membuka tanah sebagai petani kecil.

Orang Banjar yang bermigrasi telah mendiami kawasan pinggir pantai dan lembah sungai seperti di Kerian Perak yang meliputi Parit Buntar dan Bagan Serai, Sabak Bernam, Selangor dan Batu Pahat, Johor.

Kebanyakan orang Banjar yang tinggal di daerah Kerian melibatkan diri dalam tanaman padi dan selebihnya mengusahakan kebun kecil seperti kelapa dan getah.

Walaupun kegiatan ekonomi utama orang Banjar tertumpu pada pertanian namun mereka juga melibatkan diri dalam aktiviti yang lebih moden seperti industri pelancongan, pembuatan makanan, bengkel membuat kereta dan motosikal yang dilakukan sekitar perkampungan tersebut.

Kini, ekonomi orang Banjar bukan sahaja tertumpu kepada pertanian tetapi telah berubah kepada sektor ekonomi yang lain. Orang Banjar yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi telah menggalas pelbagai jawatan penting termasuklah menjadi ahli perniagaan, guru dan tentera.

ANAK MUDA TIDAK TAHU BERTUTUR BAHASA BANJAR

Perubahan ekonomi bagaimanapun telah memberi impak kepada penggunaan bahasa Banjar. Orang Banjar yang tahu berbahasa Banjar tidak bertutur dalam bahasa ibundanya kerana bermigrasi ke merata tempat.

"Anak cucu tok lepas habis sekolah banyak bekerja di Kuala Lumpur, bercampur dengan semua orang yang berlainan latar belakang, jadi makin kurang bertutur dalam bahasa Banjar, manakala cucu yang tidak diajar berbahasa Banjar dari kecil langsung tidak berkesempatan untuk belajar bahasa ibundanya", kata Fatimah Raslan, 82 seorang warga emas beretnik Banjar.

Segelintir ibu bapa tidak bertutur bahasa Banjar di rumah menyebabkan anak-anak tidak menguasai bahasa Banjar. Terutama ibu bapa yang berkahwin campur, mereka akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di rumah.

Kebanyakan golongan tua hanya bertutur bahasa Banjar semasa bertemu rakan atau saudara mara yang juga terdiri daripada masyarakat Banjar. Sebagai contoh ketika majlis keramaian yang terdiri daripada ahli keluarga yang juga dari etnik yang sama.

Selain itu, segelintir anak muda malu untuk mengakui berasal daripada etnik ini, mereka berasa kekok untuk bertutur dalam bahasa Banjar sesama mereka jika berada dalam kalangan rakan-rakan yang bukan daripada etnik yang sama.



Wadai kepeng yang siap dimasak boleh dimakan sebagai pencuci mulut atau hidangan sampingan.



Segelintir ibu bapa tidak bertutur bahasa Banjar di rumah menyebabkan anak-anak tidak menguasai bahasa Banjar. Terutama ibu bapa yang berkahwin campur, mereka akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di rumah.



PERBANDINGAN BAHASA BANJAR, JAWA, DAN MELAYU

BANJAR	JAWA	MELAYU
barabah	ngagir	berbaring
ganal	gedi	besar
hirang	ireng	hitam
ujan	udan	hujan
habang	abang	merah
rigat	reged	kotor
kapap	kerep	kerapkali
lawas	lawas	lama
sugih	sugih	kaya
lawan	lawan	dengan

MAKANAN TRADISI ERAT SILATURAHIM

Selain bahasa, makanan tradisi juga semakin dilupakan. Antara makanan tradisi masyarakat Banjar ialah wadai kepeng. Wadai kepeng adalah sejenis bubur yang diperbuat daripada tepung pulut dan kuahnya lemak manis kerana terdiri daripada santan dan gula merah.

Bagi pembaca yang tidak dapat membayangkan wadai kepeng, ia menyerupai badak berendam atau kuih puteri mandi. Perbezaannya ialah badak berendam mempunyai inti kelapa parut dan kuahnya putih kerana menggunakan santan. Manakala puteri mandi kuah bergula dan digaul dengan kelapa parut tanpa menggunakan santan. Kedua-dua kuih masyarakat Melayu ini ada sedikit persamaan dengan wadai kepeng, tetapi keistimewaan wadai kepeng ialah tepung pulut yang digentel halus tanpa ada inti di dalamnya dimasak bersama santan dan gula merah menjadikan kuahnya manis dan lemak. Malah makanan tradisi ini juga boleh ditambah durian untuk menaikkan rasa.

Wadai kepeng sering menjadi hidangan sampingan untuk majlis keramaian bagi kebanyakan orang Banjar seperti majlis khatam al-quran, doa selamat, kenduri arwah dan malah semasa aktiviti gotong-royong menanam padi dilakukan.

"Masa kenduri semua orang gotong-royong buat makanan termasuklah sediakan wadai kepeng, tiga hingga empat orang akan duduk di keliling talam dan menggentel tepung pulut yang sudah diuli", cerita tok Fatimah untuk menunjukkan muafakat dan kerjasama orang dahulu.

Majlis keramaian yang berbentuk sebegini sering mempraktikkan amalan gotong-royong kerana dibuat secara kecil-kecilan. Oleh itu, masyarakat akan sentiasa bekerjasama serta mengeratkan silaturahim sesama sendiri.

Selain wadai kepeng, makanan tradisi yang masih ada sehingga sekarang ialah tepung torak, serabi (apam), wadi (pekasam) ikan dan garam diperam dalam tempayan dan kuih kalakatar.

Walaupun masyarakat ini wujud tetapi hanya golongan pertengahan yang berumur 50 tahun ke atas sahaja yang masih kuat pegangan adat dan amalan tradisional serta bangga bertutur dalam bahasanya.

Tradisi dan adat tidak harus pudar ditelan zaman kerana ia mencerminkan asal usul dan peribadi seseorang. Setiap etnik mempunyai keistimewaan dan keunikan yang harus dipelihara oleh setiap lapisan masyarakat.



RANGUP Rempeyek menjadi produk yang paling laris dijual oleh Wak Tunot.

Usahawan kampung bukan alasan tidak berjaya

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Bau harum rempeyek memenuhi ruang udara sekitar kilang milik Tulos Joyo atau lebih dikenali sebagai Wak Tunot. Kelihatan pekerja tekun membancuh tepung dan menggoreng kacang di satu sudut. Haba panas yang memenuhi kawasan sekitarnya mula menimbulkan ketidakselesaan dan mata mula berair. Wak Tunot menghulurkan sekeping rempeyek buatan pekerjanya kepada saya. Rempeyek tersebut dikunyah dan kacangnya yang rangup menghasilkan bunyi 'kriuk, kriuk' di dalam mulut. Berpeluh-peluh pekerjanya menggoreng kacang namun tergambar kepuasan di wajah apabila rempeyek sudah dihasilkan.

Wak Tunot memulakan perniagaan Wak Tunot Enterprise pada tahun 2004. Permulaan yang ringkas, dengan bermodalkan hanya RM20,000 untuk membina sebuah bangunan kecil, peralatan khas serta bahan mentah yang diperlukan. Ibu kepada dua orang anak ini juga membuka sebuah kedai makan di hadapan kilangnya bagi menampung perbelanjaan. Dengan bantuan suami tercinta, Mihat Tahir, Tunot memulakan perniagaannya dengan membuat rempeyek dahulu, menggunakan resepi rahsia warisan keluarganya. Dengan hanya seramai 10 orang pekerja yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, dia mampu menghasilkan hampir 5,000 peket seberat 1 kilogram rempeyek dalam sehari. Dengan hasil tersebut, dia memasarkan produknya di kedai makannya lalu cakap-cakap tentang keenakan resepi rempeyeknya mula tersebar.

"Setelah rempeyek kami mendapat sambutan menggalakkan, saya telah pelbagaikan jenis keluaran. Antaranya ialah bahulu, kuih kapit pelbagai perisa dan kuih goyang. Permintaan tempahan yang melibatkan jumlah banyak juga semakin meningkat", katanya.

Tambah Wak Tunot lagi, bagi mengikut kehendak pasaran, dia juga mengambil inisiatif mengikuti kelas membuat kek dan biskut. Kebanyakan kelas dianjurkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang bertempat di Serdang, Selangor. Setiap kelas mengenakan bayaran sebanyak RM900. Tambahnya lagi, kelas selama seminggu tersebut telah mendedahkan dirinya dengan pelbagai kaedah untuk membuat makanan moden. Kelas tersebut dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dalam bidang pembuatan bakeri.

"Saya mengeluarkan perbelanjaan sendiri semata-mata untuk ingin mendalami ilmu perniagaan dengan menyertai kursus pengurusan perniagaan di MARDI. Saya juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai kursus lain anjuran Jabatan Pertanian atau mana-mana agensi berkaitan usahawan kecil kerana bagi saya ilmu pengetahuan diri perlu dipertingkatkan jika ingin berjaya dalam bidang ini", katanya.



Sehingga kini, perniagaannya masih mengambil bahagian dalam ekspo keusahawanan yang dianjurkan di Singapura cuma tidak sekerap sebelum ini disebabkan persaingan yang agak sengit daripada syarikat lain





PUAN Hajah Tulos Joyo ataupun Wak Tunot mampu berbangga dengan pemcapaian perniagannya pada hari ini.

PENYELIDIKAN DAN PENCIPTAAN

Ketika ditanya tentang kaedah dan resepi baru dalam pembuatan produknya, Tunot berkata bahawa pihaknya bekerjasama dengan MARDI untuk menghasilkan ramuan baru produk keluarannya. Penyelidikan yang bermula pada tahun 2005 itu telah memberikan kaedah baru kepadanya untuk menghasilkan produk yang lebih tahan lama dan kurang perisa tambahan.

"Tetapi ada juga kaedah yang digunakan oleh MARDI tidak menepati rasa yang kami inginkan. Misalnya, dalam bancuhan rempeyek MARDI, tepung dibancuh dahulu sebelum kacang dan hal ini menjejaskan kerangupan rempeyek tersebut", katanya.

Tambahnya lagi, pihaknya juga mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian apabila dibekalkan mesin pembancuh tepung yang telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti keluaran mereka.

PEMASARAN PRODUK

Perniagaan Wak Tunot yang bernaung di bawah Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) membolehkan perniagaannya mendapat pelbagai peluang memasarkan produknya. Pada penghujung 2005, permintaan untuk produknya meningkat bukan sahaja di sekitar Kluang, Johor tetapi juga dari sekitar Pantai Timur, Lembah Klang dan Utara Semenanjung.

"Kami juga telah membuat penjenamaan semula produk kami dengan mengubah rekaan pembungkusan dan nama jenama iaitu daripada Wak Tunot Enterprise kepada Wak 2 Note Enterprise", katanya.

Wak Tunot sering mengikuti ekspo keusahawanan yang dianjurkan oleh Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA), Klinik Usahawan Muda (KUD) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Selain itu, syarikatnya juga mempunyai kerjasama dengan Pasaraya Mydin untuk memasarkan produk keluaran mereka di rak khas bagi keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Antara cawangan Mydin yang memasarkan produknya ialah di Terminal Seremban, Ayer Keroh dan Seremban 2. Di sekitar Kuala Lumpur pula, produknya dipasarkan di Pasaraya Jaya Jusco dan One Utama.

"Kami belum mempunyai perancangan untuk melebarkan sayap perniagaan ke Utara Semenanjung kerana kekangan tenaga kerja, masa dan kos yang diperlukan untuk membuka cawangan baru. Tetapi siapa tahu satu hari nanti kami dapat memasarkan produk keluaran kami di sana", katanya.

PASARAN ANTARABANGSA

Wak Tunot mengambil langkah pertama mengembangkan perniagaannya di luar negara bermula dengan Singapura. Dia mendapat peluang untuk memasarkan produknya di sana apabila mengikuti ekspo dan pameran pertanian yang sering dianjurkan oleh FAMA. Bermula tahun 2006, dia berniaga selama seminggu di sana pada pertengahan bulan Mac, Julai dan Ogos. Memandangkan waktu tersebut hampir dengan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang disambut oleh umat Islam, jumlah pelanggan yang membeli produknya meningkat secara mendadak. Sehinggakan pada satu ketika, dia terpaksa pulang ke kilangnya untuk mengambil stok tambahan disebabkan produk di ekspo habis dijual. Keuntungan sebulan yang boleh diperoleh semasa musim perayaan ialah sebanyak RM20,000.

Sehingga kini, perniagaannya masih mengambil bahagian dalam ekspo keusahawanan yang dianjurkan di Singapura cuma tidak sekerap sebelum ini disebabkan persaingan yang agak sengit daripada syarikat lain, tetapi produknya, terutama rempeyek masih mendapat sambutan yang baik. Misalnya, hampir setiap minggu akan ada rombongan dari Singapura sebanyak tiga hingga empat bas mengunjungi kilangnya untuk melihat proses penghasilan makanan ringan tradisional terutamanya rempeyek. Akibat jumlah pengunjung yang semakin ramai, ruang pameran miliknya seluas 20x20 kaki yang baru dibina pada tahun 2006 tidak dapat menampung jumlah pengunjung yang datang dan mengharapkan bantuan daripada Jabatan Pertanian untuk bantuan kewangan bagi proses pembesaran.

PENGIKTIRAFAN YANG DIPEROLEH

Wak Tunot juga telah berjaya memperoleh beberapa pengiktirafan dalam bidang keusahawanan. Antaranya ialah Johan dalam Pertandingan Hasil-hasil Pertanian anjuran MAHA International 2012 untuk produk rempeyek. Kemudian dengan keluaran rempeyeknya juga telah melayakkan syarikatnya memenangi Pertandingan Hasil-hasil Pertanian Kategori Produk Komersial I sempena hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Johor Tahun 2013.

CABARAN YANG DIHADAPI

Cabaran yang paling sukar dihadapi oleh syarikatnya sepanjang menjalankan perniagaan ini ialah pengedaran produknya ke New Zealand yang bermula pada tahun 2005 terpaksa dihentikan pada tahun 2011 atas sebab kekurangan pengedar di sana. Akibatnya, Wak Tunot mengambil keputusan untuk menarik semula produk-produk yang sudah dihantar ke sana lalu mengakibatkan kerugian sebanyak RM10,000.

"Saya sentiasa cuba bersikap positif terhadap masalah yang datang. Bukan mudah mahu berjaya dalam suasana ekonomi yang murung ini. Ditambah lagi dengan kenaikan harga barang yang tinggi sedikit sebanyak menurunkan hasil pengeluaran kami", katanya.

NASIHAT TERHADAP BAKAL USAHAWAN

Menurutnya lagi, untuk berjaya bukanlah perkara yang mudah. Tiada istilah bermalas-malasan jika mahu mengembangkan perniagaan. Usahawan muda juga harus sentiasa mencari peluang memasarkan produk mereka. Nasihatnya juga supaya tidak membuat pinjaman jika tidak betul-betul memerlukannya kerana risikonya yang sangat tinggi.

"Tiada alasan untuk tidak berjaya. Sebagai orang muda, tenaga dan kepakaran yang ada harus digunakan ke arah kebaikan dan mencipta perkara baru. Generasi muda seperti inilah yang sangat diperlukan untuk memacu negara ke arah pembangunan yang pesat", bicaranya mengakhiri perbualan.

Agar tidak ketinggalan dalam pemasaran secara atas talian, Wak Tunot juga turut menggunakan laman web, waktunotenterprise.blogspot.com bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang perniagaannya dan juga keluaran terbaru syarikatnya.

A feast of music

Students of Universiti Sains Malaysia (USM) as well as members of the Penang community packed Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) on the 29th of last month to be treated to a night of contemporary musical hits at the USM Jazz Band 18th Annual Concert 2014 For Charity.

Going with the theme 'Musical Extravaganza', the concert was graced by the presence of the USM Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Omar Osman, the Deputy Vice Chancellor (Industry and Community Network), Prof. Dato' Dr. See Ching Mey, and the director of Dewan Budaya, Associate Professor Mohammad Omar Bidin.

The concert featured many guest acts from the local community as well as overseas, such as a choir group from SMK Mak Mandin, two young singers from SMK Bukit Jambul, the USM Kubang Kerian Symphony Orchestra as well as guest players from Thaksin University, Songkhla, Thailand.

According to the conductor of the band, Associate Professor Razif Mohd, the guest players were specially selected to engage members of the community with musical education and showcase them to USM students as well as the rest of the audience.

"For instance, the team from SMK Mak Mandin was a team that I went down to teach English to. That school didn't have a music program, so my aim was to expose them to music and help them with their English at the same time by teaching the students there English songs and rhymes, as well as offering them a platform to showcase what they have learned there," he explained.

Besides guest players, this years' concert also showcased the talent and potential of USM students and Jazz Band members themselves, with notable examples being the Chinese Pop segment which was performed by students Kah Hoe and Li Ling, a rendition of *Gemilang* performed by first-year Jazz Band vocalist Darlene Tan, as well as a song and dance performance by Khor Zhen Yee, better known as Justice.

In terms of song selection, this years' repertoire saw a combination of jazz music with, among others, traditional gamelan music, Beatles hits, famous movie themes, Chinese and Malay contemporary pop, and even current English chart-toppers such as Pharrell William's *Happy* and Bruno Mars' *Treasure*. One minute of silence was also observed mid-concert as a sign of condolence to victims of the MH370 and MH17.

A member of the audience, who goes by the name Michael, was very pleased with the concert.

"I love all the songs and I recorded them on video. I love music, so when I heard that there was a jazz concert in USM, I came to see what it was about and it didn't disappoint me at all."

Another audience member, first year USM student Pravina Ramachandran, described the concert as "awesome", adding that her favourite song was 'Standing In The Eyes Of The World' by Ella which was performed by Ainina, a secondary school student from SMK Bukit Jambul.

This year's USM Jazz Band concert is the 18th concert since the band was started in the 1990s and the second year that it was held in DTSP. A portion of the concert proceeds will be given to the Family Health Development Association (FHDA) in aid of their daily operations.



The concert featured many guest acts from the local community as well as overseas, such as a choir group from SMK Mak Mandin, two young singers from SMK Bukit Jambul, the USM Kubang Kerian Symphony Orchestra as well as guest players from Thaksin University, Songkhla, Thailand.



Aktiviti mencerap bintang dibatalkan akibat hujan

Aktiviti mencerap bintang di langit anjuran Kelab Astronomi Universiti Sains Malaysia (USM), terpaksa dibatalkan kerana faktor cuaca yang tidak mengizinkan.

Menurut pengarah projek, Siow Hao Sen, walaupun aktiviti mencerap bintang dibatalkan akibat hujan, namun siswa-siswi yang hadir pada program hari ini masih bersemangat mendengar ceramah yang disampaikan oleh pensyarah di Pusat Pengajian Sains Fizik, Dr Chong Hon Yew, tentang rahsia alam semesta.

Selain itu, Siow Hao Sen turut menambah objektif utama program ini untuk memberi pengetahuan baru tentang bidang astronomi kepada siswa-siswi USM terutama kepada mereka yang baru sahaja mendaftar sebagai ahli baru hari ini.

"Ramai yang masih kurang tahu tentang rahsia alam semesta terutama yang berkaitan dengan planet-planet selain bumi seperti Venus, Mars dan pelbagai jenis bintang", ujarnya.

"Satu perkara menarik tentang bidang astronomi di Malaysia ialah menunggu waktu kemunculan bintang-bintang di langit. Ini kerana langit di Malaysia sentiasa berawan dan kita perlu menunggu langit yang jelas untuk melihat bintang", tambahnya lagi.

Menurutnya lagi, bidang fotografi astronomi juga antara satu cabaran besar kerana selepas mengambil gambar. Kesemua gambar tersebut perlu diedit dan diproses untuk mendapatkan warna sebenar bintang-bintang tersebut.

Salah seorang ahli kelab astronomi, Lo Yuen Sum, Sains Fizik 1, program seperti ini bagus untuk menarik lebih ramai siswa-siswi menyertai kelab ini. Kelab ini juga mengalu-alukan penyertaan orang luar untuk belajar tentang alam semesta.

"Bidang astronomi satu bidang yang sangat mencabar dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi kerana kita perlu menunggu cuaca yang sangat baik untuk menyaksikan sesuatu fenomena itu berlaku", ujarnya lagi.

Menurut Lo lagi, perkara ini kerana perlu menunggu beberapa jam untuk menyaksikan kemunculan sesuatu fenomena. Jika tiada tahap kesabaran yang tinggi, maka usaha yang ditabur gagal mencapai matlamat utama.

"Kami juga sangat mengalu-alukan penyertaan pelajar yang berminat untuk menjadi jurugambar bidang astronomi kerana ia sangat menarik untuk diteroka", tambahnya lagi.

"Saya berharap agar siswa-siswi USM berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang bidang astronomi kerana ia salah satu bidang yang kurang diminati. Kelab Astronomi sangat mengalu-alukan penglibatan daripada semua pihak", ujarnya lagi.

"Pada 13 dan 14 Disember ini, kelab Astronomi dengan kerjasama muzium Pusat Pengajian Fizik akan menganjurkan satu aktiviti menyaksikan kemunculan buruj Gemini. Pengunjung akan dapat menyaksikan hujan meteor dan ia akan diadakan di Padang Hoki USM bermula jam 9.30 malam", akhirnya.

Kelab Astronomi mengajak siswa-siswi untuk turun menyertai semua aktiviti yang bakal dianjurkan. Antara aktiviti menarik untuk disertai ialah aktiviti pencerapan bintang di langit menggunakan teleskop pada setiap hari Jumaat jam 9.30 malam di Padang Kawad, Universiti Sains Malaysia.

Pusat Sejahtera rawat 280 orang pesakit setiap hari

Oleh **AU TSE EN NICOLE**

Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) secara puratanya mendapat kunjungan sebanyak 280 orang pesakit setiap hari.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr Normala Abdul Wahid, Pusat Sejahtera USM tidak menerima orang luar untuk rawatan di klinik tersebut.

Purata sebanyak 280 orang pesakit itu secara harian hanya dalam kalangan siswa-siswi USM sahaja.

Sekiranya bilangan pesakit adalah ramai daripada biasa, beliau mengatakan bahawa biasanya hari pesakit ramai itu adalah pada hari janji temu pesakit kronik.

Dr Normala juga mengatakan bahawa secara puratanya, terdapat hanya tiga hingga lima orang doktor yang bertugas untuk merawat pesakit setiap hari.

Dr Normala berkongsi bahawa kes-kes atau penyakit lazim yang ditemui dalam kalangan siswa-siswi biasanya ialah Jangkitan Saluran Pernafasan Atas atau Upper Respiratory Tract Infection (URTI), kes terseliuh dan ketegangan, serta simptom abdomen.

Dr Normala juga menasihatkan siswa-siswi yang menghadapi masalah kesihatan datang ke Pusat Sejahtera untuk mendapatkan rawatan segera.

Beliau juga menasihati siswa-siswi untuk sentiasa menjaga kesihatan mereka dengan mengamalkan gaya hidup sihat.



Secara puratanya, terdapat hanya tiga hingga lima orang doktor yang bertugas untuk merawat pesakit setiap hari.



Pasar MyAgrosis platform ceburi perniagaan

Kelab MyAgrosis USM ialah Kelab MyAgrosis yang pertama dalam kalangan IPTA melaksanakan idea Pasar MyAgrosis. Program Pasar MyAgrosis di bawah bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pulau Pinang dan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Penolong Pendaftar Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), Pn. Nurul Izzati Rozali, seramai 63 peniaga termasuk 15 siswa-siswi telah menandatangani borang perjanjian dan membuka gerai di tapak niaga.

"Pasar MyAgrosis mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada petani luar bahkan warga USM yang terdiri daripada staf dan siswa-siswi", katanya.

"Pasar MyAgrosis berkonsepkan pasar tani yang mempunyai bahan mentah dan makanan siap dimasak. Namun begitu, perbezaan adalah imej pemakaian baju seragam oleh peniaga untuk menampilkan peniaga yang berdisplin", tambahnya lagi.

Pasar MyAgrosis diadakan setiap hari Jumaat bermula 28 November, jam 5.00 petang hingga 9.00 malam di parkir kereta Perpustakaan Hamzah Sendut I, E41.

Menurut, Nordiayana Yahya, Pengerusi MyAgrosis, program ini tercetus daripada idea Yang Dipertua Kelab MyAgrosis sidang lepas, LPP dan PPKSP.

"Kelab MyAgrosis USM mengadakan Pasar MyAgrosis untuk menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi. Terdapat pelbagai perniagaan dijalankan seperti gerai tudung, pakaian, kecantikan, makanan, produk segar dan banyak lagi", jelasnya.

Menurut Ilham Abdullah, peniaga di Pasar MyAgrosis, selaku Yang Dipertua Perkumpulan Siswa-Siswi Sabah (PERSIS), Pasar Tani MyAgrosis ialah satu platform yang bagus kepada siswa-siswi untuk memahami, belajar dan menceburi bidang perniagaan.

"Kami mengambil keputusan berniaga untuk mencari sumber kewangan untuk program tahunan kami iaitu Malam Citra Bayu. Kami mendapati agak sukar untuk mendapatkan penajaan, maka kami memikirkan cara lain untuk mendapatkan dana kewangan untuk projek-projek kami iaitu dengan berniaga di Pasar MyAgrosis", katanya.

"Kami menjual makanan antaranya makanan tradisional Sabah iaitu Nasi Lalap. Saya berharap warga USM dapat memberi sokongan yang padu terhadap Pasar MyAgrosis', jelasnya kepada *Berita Kampus.*

Persiapan di awal kehamilan dan penyusuan

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

Pertubuhan Hal Ehwal Wanita (HELWA) Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan seminar Kehamilan dan Penyusuan pada 25 November lalu di Dewan Pembangunan Siswa 2, Kompleks Cahaya Siswa USM sempena sambutan Maal Hijrah 1436 peringkat Universiti Sains Malaysia.

Majlis pembukaan yang dirasmikan oleh Penaung HELWA Pusat Islam USM, Datin Noraizan Jamaluddin, isteri kepada Naib Canselor USM, Prof. Dato' Dr Omar Osman.

Menurut Pengerusi HELWA Pusat Islam USM, Ustazah Hajah Rohayati Haji Daud, merangkap Ketua Penolong Pengarah Pusat Islam USM, seminar demikian bertujuan mendidik kaum wanita dari peringkat awal sebelum kehamilan sehingga kepada kaedah penyusuan.

Seminar tersebut dihadiri oleh tiga orang penceramah jemputan iaitu Pensyarah Pusat Pengajian Sains Perubatan yang juga pakar perunding laktasi, Dr Zaharah Sulaiman, Penceramah Radio Kedah FM, Ustazah Che Nazrah Yusof dan Pensyarah Pusat Pengajian Sains Farmasi, Prof Madya Dr Zuraidah Mohd Yusoff.

Seminar tersebut tidak fokuskan kepada wanita yang sudah berumah tangga sahaja tetapi ia sebagai persiapan sebelum kehamilan sehingga kepada penyusuan bayi dalam perspektif saintifik, Islam, adat, hukum dan perubatan tradisional dan moden semasa berpantang.

Menurut Dr Zaharah Sulaiman, persiapan untuk kehamilan dan penyusuan perlu dirancang dari awal pembinaan rumah tangga. Wanita itu sendiri perlu berkongsi matlamat bersama suami agar masing-masing bertolak-ansur dan memberi sokongan semasa proses kehamilan dan penyusuan.

Tambah Ustazah Che Nazrah Yusof pula, wanita ketika mengandung dan selepas bersalin perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat dan sentiasa cergas. Penjagaan kesihatan selepas bersalin sangat penting bagi menjamin kesuburan rahim.

"Amalan ketika berpantang sangat dititikberatkan, berpantang bergantung kepada darah nifas bukannya mengikut amalan adat melayu selama 44 hari", katanya.

"Hukum syarak perlu diletakkan dihadapan dalam berpantang dan adat diletakkan di belakang selagi adat itu tidak bercanggah dengan hukum maka ia boleh diikuti", kata Ustazah Che Nazrah lagi.

Menurut Prof Madya Dr Zuraidah Mohd Yusoff, pengamalan ubatan herba ketika mengandung tidak digalakkan kerana dikhuatiri menganggu perkembangan bayi, tetapi selepas bersalin amat amat digalakkan untuk kecantikan luaran dan dalaman.

"Pengambilan ubatan herba bertujuan untuk kesegaran badan, keluarkan lendir, angin dan darah kotor dalam badan, mengembalikan fungsi rahim serta menambahkan tenaga", katanya.

Seminar tersebut mendapat sokongan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan dihadiri lebih daripada 270 orang peserta yang melibatkan wakil dari pelbagai jabatan, staf USM dan siswi USM.

> Pengamalan ubatan herba ketika mengandung tidak digalakkan kerana dikhuatiri menganggu perkembangan bayi, tetapi selepas bersalin amat amat digalakkan untuk kecantikan luaran dan dalaman.
>
> Prof Madya Dr Zuraidah Mohd Yusoff

Hadiri majlis ilmu meskipun sibuk belajar

Program Malam Cinta Rasul dan Qasidah mendapat sambutan seramai 370 orang siswa-siswi telah dianjurkan oleh Persatuan Himpunan Kelantan (HAAK) Universiti Sains Malaysia (USM). Program tersebut berlangsung pada 16 November lalu di Kompleks Cahaya Siswa.

Pengarah Yayasan Restu Zon Utara, Anuar Omar menyatakan bahawa kaedah dakwah yang berkonsepkan qasidah ini mampu menarik minat siswa-siswi bagi mendekatkan diri kepada agama. Malah, perkongsian ilmu menerusi dakwah turut berlaku sekali gus dapat memartabatkan agama Islam.

Pengarah projek, Siti Salina Hanafi berkata, program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran kumpulan qasidah Firqatul Assa'adah dari Yayasan Restu bersama Habib Mohsin Syed Mohamad Al-Manshoor.

"HAAK mengadakan program sebegini adalah untuk mengingatkan kembali kepada perjuangan Rasulullah S.A.W yang telah mempertahankan agama dan bertujuan menanamkan rasa cinta terhadap baginda dalam diri siswasiswi", katanya.

"Saya pasti siswa-siswi mempunyai komitmen lain yang perlu dilaksanakan pada hujung minggu sebegini. Namun, kehadiran mereka ke majlis ilmu ini amat memberangsangkan sekaligus dapat mengeratkan lagi ukhwah atau hubungan silaturrahim antara umat Islam", ujarnya lagi.

Nur Shahidatul Shazwani, Pengurusan 2, berpendapat bahawa walaupun program tersebut amat menarik, namun ia perlu diperbaiki dari segi pengangkutan pada masa akan datang supaya lebih ramai lagi siswa-siswi dapat menyertainya.

"Dalam kita meraih pahala memuji baginda Rasulullah S.A.W, namun masih ada kawan kita yang masih leka dengan perkara yang sia-sia seperti melepak, mendengar lagu yang melalaikan dan sebagainya. Langkah pertama yang kita boleh buat adalah dengan menasihatinya sebaik mungkin agar mereka memperoleh manfaat dalam majlis sebegini", jelasnya lagi.

Fokus penghayatan cara hidup Islam

Keputusan baik dalam akademik sahaja tidak akan diktiraf sebagai pelajar cemerlang Kafa Darul Quran dan Tadika Islam, Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) jika tidak selari dengan penghayatan cara hidup Islam.

Penolong Pengarah Unit Pendidikan Pusat Islam, Ustazah Nor Fadhilah Wahab berkata pihaknya menilai pelajar secara bersepadu antara akademik dan penghayatan cara hidup Islam khususnya akhlak.

"Prestasi pelajar Tadika Islam setiap tahun baik manakala terdapat peningkatan bilangan pelajar Kafa Darul Quran yang menyertai kumpulan khatam al-Quran", jelasnya.

Seramai 21 pelajar daripada tahun tiga hingga tahun enam menyertai khatam al-Quran. Walau bagaimanpun pada kali ini tiada wakil daripada pelajar tahun dua berbanding tahun sebelumnya.

Muhammad Iqbal Kareem Abdul Manan diumunkan Anugerah Cemerlang Khatam al-Quran yang kali pertama diperkenalkan bagi kategori lelaki, manakala Aufa Md Nasir untuk kategori perempuan.

"Saya gembira dan bersyukur menerima anugerah ini, dalam masa tiga tahun saya dapat mengkhatam al-Quran", jelas Muhammad Iqbal Kareem Abdul Manan sejurus selesai mengetuai bacaan al-Quran.

Seramai 80 pelajar Tadika Islam dan 116 pelajar Kafa Darul Quran yang menerima anugerah dan membuat persembahan hadir bersama penjaga pada Majlis Khatam al-Quran Kafa Darul Quran kali ke-31 dan Hari Kecermelangan Pelajar Tadika Islam kali ke-31 pada 22 di Dewan Sains Kemasyarakatan 4, USM.



21 pelajar KAFA Darul Quran membacakan ayat al-Quran ketika Majlis Khatam al-Quran kali ke-31 yang berlangsung di DK SK4, Universiti Sains Malaysia.

Belajar bahasa Inggeris sambil berhibur

Murid tahun enam menghiburkan penonton dengan persembahan nyanyian dan drama pendek sambil meningkat penguasaan dalam bahasa Inggeris. Persembahan dilakukan di Dewan Pembangunan Siswa 2, Kompleks Cahaya Siswa baru-baru ini.

Menurut Pengarah Projek, Ngoi Hui Chien, projek ini bertujuan menggalakkan kanak-kanak belajar bahasa Inggeris dengan gembira serta melatih mereka berani bercakap di atas pentas.

"Program ini ialah projek yang dilakukan oleh siswi-siswi yang mendaftar PET424-Project Work TESOL (Teaching English to Speaker of Other Languages) sebagai subjek elektif, kami ambil keputusan untuk bekerjasama dengan Sekolah Bukit Gelugor dan Sekolah Sungai Gelugor", katanya.

"Kami sendiri pergi ke sekolah tersebut sebanyak dua kali setiap minggu selama sebulan untuk melatih mereka membuat persembahan tetapi tidak mengganggu waktu pembelajaran kerana merka telah mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)", jelasnya.

Menurut, Vidyasagar, 12 dia berbangga dapat membuat persembahan di hadapan kedua ibu bapa, guru dan penonton yang hadir walaupun persediaan dibuat dalam masa yang singkat.

Kesedaran pengurusan sampah perlu ditingkatkan

Kampus Sejahtera berjaya melaksanakan Kempen Green Women bagi melahirkan kesedaran mengenai pengurusan sampah yang wajar serta memastikan agenda negara dalam menggalakkan rakyatnya mengamalkan amalan kitar semula tercapai.

Kempen ini disasarkan kepada 44 suri rumah di sekitar kawasan perumahan Sungai Dua berikutan mereka adalah individu yang memainkan penting dalam menguruskan rumah tangga. Justeru, kesedaran mengenai pengurusan sampah harus disalurkan kepada mereka terlebih dahulu supaya matlamat asal kempen ini tercapai.

Menurut Pengarah Green Women, Muhammad Hakim Nordin, kempen pada kali ini terus fokus kepada kumpulan sasaran memandangkan kempen bersifat umum tidak berupaya melahirkan kesedaran secara menyeluruh dan tidak mendatangkan hasil yang efektif.

"Green Women bukan sahaja sekadar melahirkan kesedaran tetapi juga bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai cara mengurus sisa di rumah serta memberi pendedahan tentang talian harus dihubungi jika mendapati lambakan sampah di sekitar kawasan perumahan dan juga sekiranya ingin jual barangan kitar semula. Informasi sebegini wajar disalurkan kepada mereka dalam usaha memastikan keberkesanan program", kata beliau.

Sejurus itu, Sukarelawan Kampus Sejahtera (SKS) turut memberi penerangan tentang kaedah penanaman pokok dalam botol dan penggunaan semula air basuhan beras supaya membudayakan konsep penggunaan semula terap pada peringkat rumah. Selain itu, pengedaran risalah dan pemberian beg kitar semula turut menjadi sebahagian daripada agenda Kempen Green Women.



Bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai cara mengurus sisa di rumah serta memberi pendedahan tentang talian harus dihubungi



Kor Sukarelawan gerak bantu mangsa banjir

Oleh **ALIANA HAMIMI AMRAN**

Kor Sukarelawan Universiti Sains Malaysia (USM) mengadakan Program Operasi Banjir pada 26 November lalu bagi persediaan awal untuk membantu mangsa banjir. Mereka mengumpul dahulu semua keperluan asas yang disumbang seterusnya akan diberikan kepada mangsa banjir di negeri Perlis, Kedah dan Terengganu berikutan dengan ramalan cuaca bahawa akan berlaku bencana banjir.

Tujuan program adalah membantu membersihkan rumah mangsa-mangsa banjir serta memberi sumbangan seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Program tersebut juga dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa.

Namun, bukan mudah untuk melaksanakannya. Penganjur program menghadapi masalah mendapatkan pengangkutan untuk bergerak ke lokasi. Dengan ini, sukar untuk mereka menghantar sukarelawan ke negeri yang mengalami banjir.

Penyertaan Program Operasi Banjir terbuka kepada siswa-siswi yang berminat untuk membantu. Pengerusi Kor Sukarelawan, Norazamy Syawal Ramli berkata, program ini penting dalam memupuk budaya sukarelawan serta membina sahsiah dan jati diri dalam kalangan siswa-siswi.

"Saya berharap agar budaya sukarelawan dapat diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi di dalam USM. Sifat seperti ini perlu disanjung dan dipupuk dalam diri setiap siswa-siswi supaya lebih ramai akan menyertai sukarelawan", tambahnya.

Penampilan diri jadi bonus dalam perniagaan

Program 'Women At Work And Make Up Demo By Avon' telah mendapat sambutan seramai 200 orang siswa-siswi. Program anjuran Mentor Rakan Siswa (MRS) tersebut telah diadakan di Kompleks Cahaya Siswa pada 22 November lalu.

Pengurus syarikat Avon zon Pulau Pinang, Suffian Rosli berkata, program sebegini bertujuan mendedahkan siswi kepada langkah untuk menambahkan pendapatan dalam dunia perniagaan.

"Selain perniagaan, kami juga mengajar siswi untuk mengenakan solekan yang betul. Seterusnya, pengurus latihan kecantikan kami juga memberi beberapa tips dalam menjaga penampilan diri supaya lebih berkeyakinan dan cantik serta mengajak mereka menjadi ahli Avon", katanya.

Menurut pengarah projek, Nur Aiman Pazil, kesedaran tentang penampilan amat penting terutama bagi graduan yang akan menghadiri temuduga. Program ini mampu membantu siswi yang mana bersesuaian dengan objektif penubuhan MRS untuk membimbing siswa-siswi.

"Sebelum ini MRS telah mengadakan beberapa program berkaitan persolekan, tetapi kali ini terdapat keunikan tersendiri kerana kami mengundang jurusolek profesional daripada Avon dengan penyertaan siswi yang lebih ramai agar mereka mendapat manfaat daripada program ini", jelas beliau.

Nadirah Abdul Kadir, Sains Kemasyarakatan 1 berkata, program tersebut sangat menarik dan membuatkan dia lebih yakin untuk memasuki alam pekerjaan nanti dengan tips-tips yang diberikan.



Program sebegini bertujuan mendedahkan siswi kepada langkah untuk menambahkan pendapatan dalam dunia perniagaan.



Malam Apresiasi Seni 2014 daulatkan seni budaya Melayu



MENARIK...salah satu persembahan dari kumpulan Rythmn of Soul mendendangkan tiga buah lagu rakyat diiringi muzik asli tradisional mendapat perhatian penonton yang hadir di Malam Apresiasi Seni 2014.

Kemunculan Roslan Madun di Malam Apresiasi Seni (MAS) 2014 anjuran Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian (PPIK) bersama Majlis Penghuni Desasiswa Restu (MPDR) Universiti Sains Malaysia (USM) mendapat perhatian siswa-siswi yang mempunyai sifat cinta akan kesenian budaya Melayu di Dewan Budaya USM pada 21 November lalu.

Menurut Pengarah Projek MAS 2014, Muhammad Firdaus Yunos, sambutan MAS 2014 amat memberangsangkan kerana penonton yang hadir melepasi sasaran penganjur.

Program ini juga turut disertai oleh Datin Noraizan Jamaluddin iaitu isteri Naib Canselor USM, Prof Dato' Dr Omar Osman.

"Terdapat lebih 500 penonton yang hadir walaupun pada malam tersebut terdapat empat program besar universiti dijalankan", jelasnya.

"Pengisian program tersebut telah menghiburkan para penonton dengan tiga buah lagu yang didendangkan oleh kumpulan Rythmn of Soul, dua buah lagu nasyid dari kumpulan Head-One USM, sketsa Mat Kilau dan yang paling menarik adalah persembahan dari Tokoh Lagu Rakyat iaitu Roslan Madun", katanya.

Kok Hui Chei, Sains Kemasyarakatan 1 berasa gembira kerana berpeluang mengikuti program kesenian budaya Melayu. Program MAS 2014 dapat memberikan pengetahuan baru di samping membuka minda terhadap kesenian budaya Melayu.

Firdaus berharap agar program yang sedemikian dapat diadakan pada masa yang akan datang dan membawa lebih banyak lagi tokoh-tokoh kebudayaan untuk ditampilkan kepada siswa-siswi USM.

Selain itu, Firdaus juga menyatakan harapan agar program kesenian mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

MAS 2014 telah ditaja oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mengiatkan usaha mengembangkan lagi kesenian budaya bangsa di kalangan siswa-siswi.

Penggembaraan filem eksotik



JUDUL Your Beautiful Is Worth Nothing (Deine Schönheit ist nichts wert)
PENGARAH Huseyin Tabak
GENRA Famili/Kasih Sayang
PELAKON Abdulkadir Tuncer, Nazmi Kirik, Lale Yavas, Yusa Durak, Milica Paucic, Orhan Yildrim
DIULAS OLEH Ng Xiang Yi

Jarang kita berpeluang untuk menonton filem barat yang bukan hasil Hollywood. Pawagam-pawagam di Malaysia kebanyakan menayangkan filem hasilan Hollywood, Bollywood, dan juga Asia Timur seperti Hong Kong, China, Taiwan dan Korea. Pilihan hiburan lebih tertumpu kepada filem mega yang bersifat komersial kerana ia lebih menguntungkan.

Walau bagaimanapun, tayangan filem antarabangsa yang lain masih berpeluang ditonton kerana Golden Screen Cinema (GSC) biasanya mengadakan festival filem antarabangsa setiap tahun mengikut musim. Antara tayangan filem antarabangsa yang diadakan oleh GSC termasuk French Art & Film Festival (FAFF), Japanese Film Festival (JFF) dan European Union Film Festival (EUFF).

Your Beautiful Is Worth Nothing (Deine Schönheit ist nichts wert), salah sebuah filem yang ditayangkan sempena EUFF, hasilan pertama oleh Huseyin Tabak, seorang pengarah Austrian baru yang berjaya mendapat enam anugerah filem antarabangsa melalui filem pertamanya.

Filem ini mengisahkan cerita seorang budak lelaki berumur 12 tahun, Veysel (Abdulkadir Tuncer) yang berada dalam dilema di antara masalah keluarga dan sekolah. Keluarganya baru berpindah ke Vienna selama enam bulan, persekitaran baru menyebabkan Veysel tidak mampu bercakap bahasa Jerman dengan fasih. Apabila di sekolah, dia dipinggir oleh cikgunya kerana tidak membuat kerja sekolah dan gagal membentangkan sebuah puisi di kelas seperti rakan sekelasnya yang lain buat.

Tekanan Veysel tidak diselesaikan apabila balik ke rumah kerana hanya ibunya yang tinggal bersama. Ayahnya, seorang Kurdish yang meninggalkan rumah untuk bertarung kerajaan Turki dengan pasukan gerila manakala abangnya, Mazlum (Yusa Durak), turut meninggalkan rumah kerana marah dengan tindakan ayah yang meninggalkan mereka. Pertelingkahan yang berlaku dalam keluarga Veysel menyebabkan Veysel tidak dapat mengurus masalah sendiri dengan elok sehingganya bertemu dengan jiran di sebelah yang macho, (Orhan Yildirim), kehidupannya mula berubah.

Sejarah latar belakang dalam filem ini adalah amat baru dan unik kepada penonton Malaysia kerana kita memang tidak berapa kenal dengan sejarah dan situasi yang berlaku di antara kerajaan Turki dengan kaum Kurdish, pelari dari Turki ke Austria, dan keadaan yang dihadapi oleh pelari apabila bertempat di negara asing.

Tambahan pula, nama filem tersebut diambil dari puisi baris pertama karya Asik Veysel, seorang penyair terkenal di Turki. Nama Veysel juga diberi ilham daripadanya. Filem ini bukan sahaja membuka mata penonton tempatan tentang sejarah dan latar belakang Turki dan Austria, tetapi juga memperkenalkan elemen kesasteraan Turki yang jarang kita kenali.

Babak yang paling menarik dalam filem tersebut ialah apabila Veysel berjaya menghafalkan puisi kegemarannya dalam bahasa Jerman, Your Beautiful Is Worth Nothing… yang ditulis oleh Asik Veysel. Demi mempersembahkan puisi tersebut kepada gadis yang disukainya, Ana (Milica Paucic), Veysel melatih puisi tersebut setiap hari dengan bantuan jirannya yang turut pelarian dari Turki.

Pemaparan plot dan cerita dalam filem ini boleh dikatakan lembut dan penuh dengan kasih sayang kerana perspektif filem menggunakan pemahaman budak lelaki yang hanya berusia 12 tahun. Segala pertelingkahan dan pertengkaran yang berlaku dalam kehidupan Veysel, walaupun pedih tetapi masih lembut diterimanya. Ibu dan ayahnya akhirnya juga terharu apabila Veysel berjaya melafazkan puisi dengan fasih dalam bahasa Jerman.

Jika seorang budak lelaki kecil mampu mengubahkan dunia orang dewasa, kenapanya kita tidak? Kasih sayang itu sememangnya mudah dikecapi, seandainya kita mengusahakannya.

Cerdas minda, mantap peribadi, cinta hati Rasulullah SAW



JUDUL Aisyah yang cerdas & dicintai
PENULIS Ahmad Ibnu Salim Baduwilan
GENRE Islamik
TERJEMAHAN Kamran As'at Irsyad
DIULAS OLEH Siti Nazifah Tajudin

Sebuah kisah indah wanita bernama Aisyah r.h.a kekasih hati Rasulullah SAW dan tokoh ilmuwan wanita terulung.

Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar merupakan isteri kepada Rasulullah SAW. Buku ini menarik minat pembaca agar menghayati perjuangan srikandi Islam yang dicintai oleh Allah dan rasul-Nya. Buku ini juga amat istimewa kerana memaparkan plot-plot dan tauladan yang bermotivasi. Penulis berjaya menyingkap keistimewaan, kedudukan dan kemuliaan Sayidatina Aisyah r.h.a. Selain itu, penulis juga menyampaikan dengan berkesan dan dapat menimbulkan semangat dan motivasi kepada Muslimah agar mencontohi srikandi Islam.

Pada pendapat saya, buku ini sangat istimewa kerana Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar merupakan seorang wanita yang berperibadi agung yang harum mekar namanya sepanjang zaman. Bukan kerana menjadi isteri Rsulullah SAW, tetapi tokoh ini dikagumi dan dihormati oleh manusia sezamannya tanpa mengira lelaki mahupun wanita kerana peranan, jasa, keilmuan dan keistimewaan yang sememangnya wujud dalam dirinya. Di dalam buku ini penulis menceritakan bahawa Sayidatina Aisyah r.h.a merupakan salah seorang yang mengibarkan panji-panji ilmu pengetahuan dan menjadi pakar selok-belok urusan sesebuah rumah tangga. Sayidatina Aisyah r.h.a mempelajari ajaran Islam, mendalami masalah-masalah agama, adab-adab dan ilmu akhlak di bawah didikkan Rasulullah SAW. Kebijaksanaan Sayidatina Aisyah r.h.a menyebabkan dia sering menjadi tempat rujukan bagi para sahabat Rasulullah SAW ketika menghadapi masalah. Penulis juga berjaya mengemukakan contoh-contoh yang membuktikan bahawa Sayidatina Aisyah r.h.a sebagai salah seorang wanita yang terkemuka di dunia yang arif dalam pelbagai bidang ilmu antaranya al-Quran, sunnah, fiqah,dan perubatan.

Selain itu, cara penyampaian penulis juga sangat menarik disamping ulasan yang berkesan dan sekali gus membuatkan pembaca berpeluang untuk mengenali tokoh ini dengan lebih dekat. Antara contoh yang dikemukakan dipetik daripada Riwayat al-Buhkari, Aisyah berkata yang bermaksud "aku biasa bermain anak patung ketika Nabi SAW ada bersama. Aku juga mempunyai rakan-rakan sepermainan yang suka bermain denganku. Apabila Rasulullah SAW masuk menemuiku, mereka berlari bersembunyi (lantaran segan dan malu kepada Baginda), maka Baginda mengajak mereka kepadaku, sehingga mereka pun bermain-main lagi denganku". Melalui contoh yang dikemukakan oleh penulis ini memberi gambaran kepada pembaca untuk mengenali Aisyah dengan lebih dekat.

Pada pendapat saya, penulis berjaya menyampaikan kisah tentang kelebihan Aisyah r.h.a dengan berkesan. Saya amat menyarankan kepada golongan muslimah untuk membaca kisah yang disampaikan di dalam buku ini agar kita sama-sama dapat mencontohi tokoh agung Sayidatina Aisyah r.h.a.

sekitar kampus

Campus Café perkenal khidmat penghantaran makanan

Menawarkan caj penghantaran serendah 10 sen, Campus Café kini memperkenalkan servis penghantaran makanan ke setiap desasiswa Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut pengurus Campus Café, David Yim, perkhidmatan penghantaran makanan ini bermula sejak 1 Disember dan ia untuk membantu siswa-siswi menikmati hidangan makan malam tanpa perlu keluar dari kawasan kampus.

David berkata sebelum beliau memulakan perkhidmatan ini, satu kaji selidik atas talian telah dilakukan untuk mendapatkan respon siswa-siswi sekiranya pihak Campus Café menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan di USM

"Maklum balas yang kami terima setakat ini positif dan ramai antara mereka memberikan respon yang baik serta bersetuju sekiranya perkhidmatan ini dilancarkan kerana ia sangat membantu terutama ketika minggu ulangkaji dan minggu peperiksaan yang bakal tiba", katanya lagi.

"Pihak Campus Café tidak mahu membebankan siswa-siswi dengan caj yang mahal kerana mereka masih belajar", tambahnya lagi.

"Antara menu yang ditawarkan ialah sembilan menu ala carte dan dua menu baru iaitu bihun goreng Singapore dan Pecasia Pizza. Setakat ini, hanya air mineral dan air tin bekarbonat sahaja disediakan untuk perkhidmatan ini. Selain itu menu mingguan juga turut ditawarkan sebagai salah satu menu dalam perkhidmatan penghantaran ini", tambah David lagi.

Minimum penghantaran ialah RM5 dan ke atas dan ia bermula dari pukul 5 petang hingga 7.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat. Tempoh penghantaran yang dihadkan ialah selama 15-30 minit.

"Walaupun kami menetapkan tempoh penghantaran tersebut, sekiranya hujan ataupun berlaku sebarang kecemasan, proses penghantaran tersebut mungkin dibatalkan atau akan berlaku sedikit kelewatan. Walaupun kami mengutamakan pelanggan, namun keselamatan dan kebajikan pekerja juga perlu dijaga kerana ia dibawah tanggungjawab pihak Campus Café", akhirnya ringkas.

Pesanan makanan boleh dibuat dengan dua cara iaitu secara atas talian dengan menggunakan Facebook rasmi Campus Café dan boleh menghubungi dua nombor 012-4482725 atau 011-40205725. Pesanan perlulah disertakan sekali nama pemesan, desasiswa, nombor blok dan nombor untuk dihubungi.

HINEX sasar 300 peserta

Oleh **MOHAMAD HAFIZ BIN ADISMAN**

Universiti Sains Malaysia (USM) bakal menjadi tuan rumah bagi program Higher Institutions National Expedition and Camping (HINEX) 2014 anjuran Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) USM yang melibatkan enam buah negara termasuk Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapore, Hong Kong, dan Brunei yang akan berlangsung pada 12 hingga 16 Disember di Taman Rekreasi USM.

Menurut Pengarah Projek HINEX 2014, Razana Md Idris, berkata bahawa program ini diadakan bertujuan mengumpulkan semua ahli KLKM universiti di Malaysia untuk menjalinkan hubungan persaudaraan pengakap dalam kalangan ahli-ahli di peringkat kebangsaan.

"Bagi mewujudkan kelainan dalam HINEX kali ini, kami akan membawa tema 'Volunteerism Through Scouting' dan menjadikan konsep 'Kelestarian USM' dan 'Penang Heritage' sebagai fokus utama dalam aktiviti dan latihan yang dirancang sepanjang HINEX berlangsung", katanya.

"Kami mensasarkan seramai 300 orang peserta iaitu 250 orang peserta dari seluruh Malaysia dan 50 lagi dari lima buah negara jiran. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM120 yang meliputi makanan, pengangkutan, kit hinex, dan aktiviti", tambahnya lagi.

Ketiadaan gelanggang bowling padang sukarkan usaha promosi

Oleh **NUR KHALIDAH ABDUL HALIM**

Ketiadaan gelanggang boling padang di Universiti Sains Malaysia (USM) menyukarkan usaha pasukan boling padang untuk mencari pelapis bagi sukan tersebut.

Keadaan ini menyukarkan lagi pemain terutamanya yang terlibat dengan sesi latihan yang intensif dan membataskan pergerakan terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

Menurut Nur Ain Abdul Salim, pemain boling padang, ketiadaan kemudahan gelanggang yang khusus menyebabkan mereka menggunakan gelanggang hoki USM dan terpaksa bergilir-gilir dengan pasukan hoki untuk berlatih.

Penasihat pasukan boling padang USM, Abdul Rahman Jaafar, mereka kerap menggunakan gelanggang boling padang yang hanya terdapat di Kompleks Belia dan Sukan Pulau Pinang (KBS) dan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bertam terutamanya untuk latihan intensif.

“Rancangan pembinaan gelanggang boling padang itu ada tetapi kos pembinaan yang agak tinggi dan ruang tanah yang agak terhad di dalam USM membatas hal tersebut”, jelas beliau kepada Berita Kampus.

Di samping itu, beliau juga berharap agar siswa-siswi dapat menyertai pasukan boling padang kerana beliau tahu ramai yang mempunya bakat dan peluang dalam sukan tersebut.

“Kita mempunyai pemain yang ramai yang telah dapat dikenalpasti terutama ketika kejohanan Sukan Antara Desasiswa (SUKAD). Namun ketika pemilihan untuk kejohanan yang lebih besar, ramai pemain yang tidak menghadirkan diri dengan alasan tertentu” tambah beliau lagi.

Kapten boling padang lelaki, Mohamad Abdul Sharom, kebanyakan pemain majoritinya dari pelajar tahun tiga dan jumlah keseluruhan skuad tersebut hanyalah 12 orang.

“Jumlah yang kecil ini kadangkala agak menyukarkan kami kerana kami harus beraksi dengan orang yang sama tiap kali berlangsungnya kejohanan besar seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Ia juga bertambah berat jika ada pemain yang tidak boleh bertanding jika ada sebarang kecederaan”, tambahnya.

“Kita mempunyai pemain yang ramai yang telah dapat dikenalpasti terutama ketika kejohanan Sukan Antara Desasiswa (SUKAD). Namun ketika pemilihan untuk kejohanan yang lebih besar, ramai pemain yang tidak menghadirkan diri dengan alasan tertentu”

Padang Kecik Aman ungguli Karnival Futsal Fizik



BANGGA..... Ahli pasukan Padang Kecik Aman menerima hadiah RM300 daripada Yang Dipertua Persatuan Sains Fizik, Wan Amirul (lima dari kiri) selepas tamat perlawanan pusingan akhir.

Karnival Futsal Fizik anjuran Persatuan Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi gelanggang bagi 14 pasukan berentap untuk meraih gelaran juara dan hadiah utama bernilai RM300. Peringkat akhir perlawanan ini telah dimenangi oleh Padang Kecik Aman FC.

Menurut Pengarah Projek, Mohamad Johari Jusoh, perlawanan ini ialah kali kedua diadakan secara terbuka kepada semua siswa-siswi USM kerana pada tahun-tahun sebelumnya, perlawanan ini hanya tertutup kepada siswa-siswi Pusat Pengajian Sains Fizik sahaja.

“Kami membuka penyertaan kepada semua kerana perlawanan ini boleh menjadi medium untuk merapatkan hubungan antara siswa-siswi jurusan Sains Fizik dan siswa-siswi lain. Kami mahu mencari bakat baru dalam sukan futsal dan bukan hanya tertumpu kepada siswa-siswi jurusan Sains Fizik sahaja”, katanya.

Peserta daripada pasukan Lutut Longgar FC, Muhd Shafiq Maharidan berkata bahawa tujuan mereka menyertai perlawanan ini ialah sebagai tanda sokongan kepada Persatuan Sains Fizik dan berharap momentum pasukan mereka sebagai pemenang tempat keempat boleh ditingkatkan untuk perlawanan pada masa akan datang.

Pemenang tempat kedua, pasukan Bandung FC menerima hadiah berjumlah RM200 dan tempat ketiga, pasukan Battosai FC menerima hadiah berjumlah RM100.

Pesta Hoki USM-Penang International - 40 years and beyond

Pesta Hoki USM – Penang International (PH 2014) has managed to capture the attention of the public with an increase in the number of teams participating despite it being held for the 41st time.

This year, over 400 teams had registered for the tournament, including 27 international teams from Sri Lanka, India, Thailand, Taiwan dan Pakistan, compared to last year where 346 teams participated in the tournament.

According to the Chairperson of the PH 2014, Liew Jia Yin, preparation for the tournament started since May. She added that her team prepared a lot in terms of sponsorship, technical work, logistics, invitations and also team matchups.

However, the team also faced many challenges to ensure that the tournament will go smooothly.

“The biggest challenge we faced was that we had to accommodate changes and alterations especially in terms of matchups for each tournament,” Liew explained.

The main sponsor for this year's PH 2014 is Nestle Milo and co-sponsor includes OBO, Vik Network, Hockey Zone and Alfa.

There are 12 categories in PH 2014, such as men's and women's categories as well as veteran and junior categories (under 18, 15 and 12 years old).

Liew said that they hoped to carry the legacy of Pesta Hoki and do their best to put together another great hockey tournament.

The tournament was held on the 4th to 7th of December at Padang Minden USM.

Minggu Sukan Kimia eratkan hubungan siswa-siswi

Minggu Sukan Kimia telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains Kimia dan penyertaan adalah secara terbuka terutama kepada pusat pengajian lain yang ingin menyertai. Bermula pada 29 hingga 30 November ini, siswa-siswi digalakkan untuk menyertainya bagi memeriahkan lagi acara yang diadakan.

Acara dimulakan dengan pertandingan badminton di Gelanggang Badminton Pusat Sukan USM seawal lapan pagi. Penyertaan bagi perlawanan badminton terbahagi kepada dua kategori. Sebanyak 17 pasukan lelaki dan lapan pasukan wanita. Yuran penyertaan bagi setiap pasukan adalah RM12 dan perlawanan diadakan secara beregu. Setiap pasukan akan berusaha bagi mendapatkan tempat pertama untuk memperoleh kejohanan bagi perlawanan kalah mati ini.

Pengarah projek, Ahmad Hambali Ismail, berkata terdapat dua sesi bagi perlawanan ini iaitu sesi pagi dan petang. Dua kumpulan yang terakhir akan berentap pada sesi separuh akhir nanti. Perlawanan adalah kalah mati dan diteruskan hingga ke peringkat akhir.

“Setakat ini penyertaan ada daripada pusat pengajian fizik dan pengurusan selain sains kimia. Objektif utama acara ini diadakan untuk mengeratkan hubungan antara semua individu sama ada dari pusat pengajian yang sama atau tidak. Di samping mengurangkan tekanan siswa-siswi dengan bebanan akademik”, jelasnya lagi.

Acara ini akan berlangsung selama dua hari dan pada hari seterusnya akan diadakan pertandingan bola jaring dan futsal. Acara ini ialah kali kedua dianjurkan selepas pertama kali diadakan pada tahun lalu.

Petanque dapat sambutan hangat siswa-siswi USM



GEMBIRA Peserta Kejohanan Petanque yang berlangsung di USM pada 23 November lalu.

Oleh **LEE KAM FEI**

Kelab Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Kejohanan Petanque Tertutup USM (2014-2015) Siri 1 di Arena Petanque, USM Induk, pada 23 November 2014 untuk acara perseorangan lelaki dan perseorangan wanita.

Menurut Pengerusi Kelab Petanque USM, Mohamad Yusuf Mislam, terdapat 16 lelaki dan 15 wanita menyertai kejohanan tersebut. Yuran penyertaan untuk kejohanan tersebut adalah RM2.00.

"Peralatan permainan dan sijil akan disediakan oleh Kelab Petanque USM. Pemenang akan mempunyai peluang untuk memasuki Pasukan Petanque USM," jelasnya.

Yeow Ting Fong, Sains Kemasyarakatan 3, telah berjaya merangkuli gelaran johan untuk acara lelaki perseorangan dalam Kejohanan Petanque Tertutup USM (2014-2015) Siri 1.

Nurul Hidayah Mohamad Azman, Ilmu Pendidikan 2, telah berjaya menjuarai acara wanita perseorangan dalam kejohanan tersebut.

Yeow berharap Pusat Sukan & Rekreasi USM akan menghargai warga USM yang mempunyai bakat dalam bidang petanque dan diserap ke pasukan USM untuk mengharumkan nama baik USM di kejohanan luar.

Pasukan hoki USM menyerlah



TAHNIAH Pasukan Hoki USM menjuarai Kejohanan Hoki 9 Sebelah Pulau Pinang di Stadium Hoki Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Pasukan hoki Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjuarai Kejohanan Hoki 9 Sebelah Pulau Pinang di Stadium Hoki Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.
Ketua Pasukan, Ku Ahmad Azrezal Ku Omar berkata sebanyak 12 pasukan yang bertanding pada kali ini.

"Pada peringkat kumpulan USM telah menumpaskan bekas pasukan yang bermain di Liga Hoki Malaysia iaitu Nur Insafi dengan jaringan 2-0", katanta kepada Berita Kampus.

Menurut Azrezal, pasukan hoki USM bertemu kembali dengan Nur Insafi pada peringkat akhir dan berentap dengan sengit sehingga menang dengan jaringan 2-1.

Azrezal berkata lagi, ini ialah kali pertama menyertai kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Hoki Pulau Pinang.

"Kami menyertai kejohanan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pemain baru dan persediaan untuk menghadapi pertandingan Pesta Hoki pada Disember ini dan Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Divisyen 1 2015 pada semester hadapan", katanya lagi.

"Saya melihat corak permainan pasukan hoki USM pada permulaan membina permainan dari bawah dan mengawal permainan. Sekali sekala melancarkan serangan balas kepada pihak lawan", kata Azrezal.

Formasi yang dilakukan oleh jurulatih Dr Jamal Safri Saibon berhasil setelah memenangi semua perlawanan dengan 15 jaringan dan satu bolos.

10 jaringan disumbangkan oleh Muhammad Zahirul Faez Asha'ri sepanjang kejohanan berlangsung.

Azrezal berharap pasukanya terus kekalkan prestasi untuk menghadapi pertandingan pada masa akan datang dan berterima kasih kepada siswa siswi yang terus menyokong.

Pusat Sukan & Rekreasi USM tingkat prestasi atlet

Seminar 'Strength and Conditioning for the High Performance Athletes' yang membantu atlet dari pelbagai aspek dari segi kekuatan dan persediaan sebelum latihan, semasa latihan, selepas latihan, dan semasa pertandingan ialah usaha Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) Universiti Sains Malaysia (USM) untuk meningkatkan prestasi atlet ke tahap yang lebih baik.

Program telah berlangsung pada 18-20 November 2014 di Tabung Haji Hotel (TH Hotel), Bayan Lepas, Pulau Pinang dan di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Bertam, Pulau Pinang.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dato' Dr Omar Osman, dan Pengarah PSR USM, Muhamad Mohd Hanif di TH Hotel, Bayan Lepas.

Program tersebut dijalankan khusus untuk atlet, pegawai, jurulatih dan staf sukan yang menjurus kepada atlet berprestasi tinggi dibantu oleh tetamu jemputan iaitu pensyarah sains sukan USM, Dr Ahmad Munir Mohamed dan fasilitator seminar, pensyarah sains sukan Universiti Teknologi Mara, Prof Madya Dr Naim Ismail.

Seramai 14 atlet USM dipilih ke seminar tersebut yang berfokus kepada dua acara sukan pusat tumpuan sukan USM iaitu hoki dan renang.

Pegawai dan pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tutut hadir seminar ini.

Majlis penutup seminar tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Seksyen Akademik dan Hal Ehwal Pelajar IPPT, Dr Shahrul Bariyah Sahul Hamid.